

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"MEMANG tidak diragukan lagi, negara yang bebas dari rasuah adalah negara yang berkat, penuh dengan rahmat serta terlepas daripada laknat".

- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Tahun 1442H / 2020M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"IAITU orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ra'd, ayat 28.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 7

16 JANUARI 2021 / 1442 جمادى الآخير 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD - Republik Rakyat China kukuhkan hubungan dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari. - Foto : Hamzah Mohidin (Lihat muka 3).



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 15 JANUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 174

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 168

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

COVID-19 : 547 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 174 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi

Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 254 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Ke muka 7

Logo 30 tahun hubungan diplomatik dilancarkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 14 Januari. - Tahun 2021 menandakan 30 tahun hubungan diplomatik antara Negara Brunei

Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China yang erat dan sepanjang tempoh itu juga kedua-dua buah negara terus bekerjasama dalam menangani pelbagai cabaran, di samping memikul tanggungjawab demi mencapai kata sepakat dan misi masing-masing.

Ke muka 5



PELAJAR cemerlang diraikan

Muka 6



CLOUD Computing : Pangkalan data di awan

Muka 26

Mengukuhkan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Brunei

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei (PPPMB).

Terlebih dahulu, peramba / saya sukacita mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PPPMB atas jemputan untuk menjadi tetamu kehormat bagi merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPPMB.

Peramba / saya difahamkan PPPMB ditubuhkan adalah bertujuan untuk menyatupadukan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei di samping mewujudkan sikap saling bantu-membantu bagi mengukuhkan sebarang kegiatan perekonomian yang dihasratkan bagi meningkatkan taraf hidup serta kemajuan perniagaan-perniagaan dan kegiatan ekonomi.

Peramba / saya begitu teruja dan terpanggil apabila melihat visi dan misi PPPMB. Terpanggil kerana ingin mengetahui, apa sudahkah terlaksana visi dan misi tersebut secara total, separa total atau sebagainya (besar ataupun kecil). Yang penting ia dilaksanakan, diikuti atau diperturuti. Kalau sudah dilaksanakan, berapa besar, berapa kecilnya, berapa peratus KPInya?

Alhamdulillah, visi dan misi patut, malah mesti disokong dan disanjung. Kerana dari situlah letaknya semangat dan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa berucap pada Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan Peniaga - Peniaga Melayu Brunei (PPPMB) pada 25 Jamadilawal 1442 Hijrah bersamaan 9 Januari 2021 Masihi di Higher Hotel, Kampung Kiulap.

hasrat kitani (persekutuan kitani) dalam mencanang, merancang dan memperkasa matlamat dan hala tuju persekutuan.

Visi dan misi itu juga pemacu (*catalyst*) dan pemaju gerak langkah dan pemikiran kitani dalam memelihara dan memastikan,

kesinambungan perancangan hala tuju dan matlamat kita supaya tidak tergendala dan terputus apatah lagi terpesong.

Di zaman COVID-19 ini, *curfew*, *lockdown*, *quarantine*, *isolation*, *social distancing*, *sanitization* ringkasnya 'kelaziman / kebiasaan baharu' (*new normal*) memerlukan perhatian dan penyertaan serta pematuhan.

Zaman dan keadaan ini mengajar dan memandu *kitani* ke arah mempunyai sikap dan pegangan yang dipengaruhi oleh norma baharu ini.

Kerana zaman COVID-19 ini, di samping merupakan malapetaka, bencana, wabak yang mengancam dan mengganggu hidup dan tradisi *kitani* dengan membawa bermacam-macam mudarat, darurat, musibat yang membawa kepada banyak dan beberapa akibat dan muslihat.

Namun ia juga (COVID-19) merupakan rahmat, hikmat dan nikmat yang membawa manfaat.

Telah menjadi lumrah bagi mana-mana persekutuan, tidak terkecuali PPPMB.

Yang penting setakat mana perlengkapan dan persiapan *kitani* dalam mengikuti arus persaingan. Persaingan itu juga tidak saja di dalam negeri semata-mata, malah juga di luar negeri. Apa bekalan *kitani* perlu ada. Bekalan dari segi *materialism*, *intellectualism* dan *strategic planning*. Maka visi dan misi ada sangkut pautnya dan peneraju-penerajunya mestilah peka dan terbuka kepadanya.

Seiring dengan peredaran dan perkembangan teknologi pada masa kini, perkembangan sektor ICT adalah sangat penting dalam transformasi ekosistem digital ekonomi di Negara Brunei Darussalam bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, dengan penggunaan media baharu iaitu penggunaan beberapa teknologi dan aplikasi baharu yang lebih canggih, mudah, cepat, murah dan mesra pelanggan sering dimanfaatkan bagi tujuan perniagaan, pemasaran dan pendidikan. Ianya juga dihasratkan dapat menggalakkan perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan menjana peluang-peluang perniagaan baharu. Di manakah kita PPPMB dalam perkembangan ini.

Peramba / saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPPMB dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan kali ini. Semoga usaha PPPMB dalam menggabungkan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu Brunei di negara ini dapat mengukuhkan lagi kegiatan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup serta bermanfaat kepada semua ahli khususnya masyarakat dan ekonomi negara amnya.

Ke muka 9

Dari Sidang
Pengarang.

16 JANUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الآخر 2

**TINGKATKAN KEWASPADAAN
SEMASA CUACA TIDAK MENENTU**

PADA masa ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) berada dalam Monsun Timur Laut yang menyebabkan keadaan tidak menentu dengan hujan lebat atau hujan berpetir sekali-sekala di beberapa daerah di negara ini sehingga menyebabkan berlakunya banjir dan banjir kilat terutama di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir. Di samping itu, keadaan air pasang semasa hujan lebat juga telah menyebabkan banjir berlaku di kawasan-kawasan berhampiran tebing sungai.

Menurut Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) keadaan cuaca tidak menentu di NBD akan berterusan dengan hujan sekali-sekala lebat sehingga Selasa, 19 Januari. Hujan atau hujan berpetir dijangka berlaku terutama pada sebelah petang dan malam, dan boleh berlanjutan sehingga subuh. Dalam keadaan cuaca sebegini, masih terdapat risiko banjir dan banjir kilat berlaku.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil perhatian akan risiko banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir semasa hujan lebat dan juga bahaya kejadian pokok tumbang semasa keadaan berangin. Risiko kejadian banjir yang lebih teruk boleh berlaku apabila hujan berintensiti lebat bertembung dengan kejadian air pasang.

Manakala keadaan laut bergelora adalah berbahaya kepada semua bot bersaiz kecil dan semua aktiviti rekreasi dan sukan laut seperti berenang, jetski, *scuba diving* dan lain-lain.

Orang ramai, para pemandu jalan raya dan para pelaut juga dinasihatkan untuk sentiasa peka dan mengambil kira ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini dalam membuat perancangan ataupun mengambil langkah-langkah awal yang bersesuaian untuk memastikan keselamatan, begitu juga bagi mengelakkan kerosakan harta benda.

Sementara itu, bagi mereka yang tinggal di kawasan terjejas dan dilanda banjir, Kementerian Kesihatan turut menasihati orang ramai agar mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah dan menghindarkan sebarang kemalangan, kecederaan dan kemungkinan berlakunya penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti kolera, cirit-birit, keracunan makanan dan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti demam denggi dan sebagainya.

Selain itu, orang ramai disarankan untuk menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal dan kawasan yang berdekatan dan tidak membuang sampah merata-rata serta memastikan saluran air supaya tidak tersumbat oleh sampah sarap, lumpur dan dahan-dahan pokok. Di samping itu, hendaklah mendapatkan rawatan jika tidak sihat di Pusat-pusat Kesihatan.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan mengutamakan keselamatan semasa keadaan cuaca tidak menentu di kawasan masing-masing terutama ketika berlakunya banjir. Di samping itu, jagalah kebersihan diri dan mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing ketika negara masih menangani pandemik COVID-19.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
30 24 °C	30 24 °C	30 25 °C
30 24 °C	30 24 °C	30 25 °C
30 24 °C	30 25 °C	30 24 °C
30 24 °C	30 24 °C	30 25 °C

Wallaahuilam Blesawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mer.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	SABTU	2	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	AHAD	3	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	ISNIN	4	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	SELASA	5	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	RABU	6	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
21	KHAMIS	7	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
22	JUMAAT	8	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN
KECEMASAN** 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

NBD - Republik Rakyat China kukuhkan hubungan dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi, yang mengadakan lawatan ke negara ini.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China berbincang mengenai isu-isu dua hala dan serantau yang berkepentingan bersama di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China.

Menyertai bersama TYT di Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong; Vice Minister of Commerce, Mr. Qian Keming; Assistant Minister of Foreign Affairs, Mr. Wu Jianghao; dan Vice Chairman, China International Development Cooperation Agency, Mr. Deng Boqing.

Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Lawatan TYT ke negara ini mencerminkan hubungan dua hala di antara kedua buah negara yang akrab dan kukuh, serta sokongan penuh Republik Rakyat China terhadap NBD sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021.

Tahun ini juga menandakan Ulang Tahun Ke-30 bagi hubungan dua hala di antara NBD dan Republik Rakyat China dan hubungan dialog ASEAN-China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, di Istana Nurul Iman (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan bergambar bersama TYT pada majlis tersebut.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat Setiausaha Agung ASEAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada

YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi bertempat di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak antara lain menyentuh mengenai hal yang menjadi keprihatinan bersama di rantau ini, termasuklah pengukuhan penggabungan undang-undang parlimen ASEAN tentang kepentingan ASEAN

Comprehensive Recovery Framework (ACRF).

Dengan adanya kunjungan ini diharap akan dapat mengukuhkan lagi hubungan baik di antara ASEAN dan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), di mana Yang Di-Pertua MMN juga merupakan Presiden AIPA Ke-42.

Juga hadir, Pemangku Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Kontinjen IMT-M16, MALBATT 850-7 diraikan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (depan, enam dari kanan) hadir pada Majlis Kesyukuran bagi Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-16 bagi Pasukan Pemantau Antarabangsa - Mindanao (PPA-M16) setelah selesai menjalankan misi mereka di Mindanao, Republik Filipina juga Kontinjen Brunei di bawah Batalion Malaysia (MALBATT) 850-7 untuk United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-16 bagi Pasukan Pemantau Antarabangsa - Mindanao (PPA-M16) yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Abdul Mutalip bin Bujang bersama tujuh orang anggota ABDB dan seorang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) diraikan pada Majlis Kesyukuran setelah selesai menjalankan misi mereka di Mindanao, Republik Filipina dan selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam pada 17 November 2020.

Majlis juga meraikan Kontinjen Brunei di bawah Batalion Malaysia (MALBATT) 850-7 untuk United Nations Interim

Force in Lebanon (UNIFIL) di bawah Ketua Kontinjen Mejar Mohd. Hishamuddin bin Haji Marzoki yang telah pulang ke tanah air pada 4 Disember 2020.

Majlis Doa Kesyukuran bagi Kontinjen IMT-M16 Negara Brunei Darussalam dan Kontinjen Brunei MALBATT 850-7 diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Pesuruhjaya Polis, PPDB,

Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Kedua-dua kontinjen telah berkhidmat lebih dari 12 bulan disebabkan keadaan pandemik COVID-19 pada ketika ini.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, diikuti dengan Dikir Marhaban, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dipimpin oleh Imam Surau Ad-Difa', Awang Shuib bin Haji Abdullah.


Turut hadir, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Angkatan Bersama ABDB, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah Tentera dan Awam, pegawai-pegawai kanan serta anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.



YANG Berhormat semasa menyampaikan cenderahati kepada para ahli kontinjen yang diraikan.

Logo 30 tahun hubungan diplomatik dilancarkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (kiri); Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China (tengah); dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan) semasa bergambar pada Mesyuarat JSC tersebut.

Dari muka 1

Ke arah mengekalkan jalinan persahabatan dua hala itu yang wujud sejak 30 September 1991, kedua-dua belah pihak hari ini mengadakan Mesyuarat Joint Steering Committee (Jawatankuasa Pandu Bersama - JSC) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Mengetuai bagi pihak NBD, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, manakala State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi mengetuai bagi rombongan dari Republik Rakyat China yang baru tiba semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dari kedua-dua buah negara.

Dalam menghargai jalinan hubungan kedua buah negara, penciptaan logo baharu bersempena 30 tahun seterusnya dilancarkan sejurus selesainya permesyuaratan di antara kedua belah pihak.

Pelancaran logo berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Tuan Yang Terutama Wang Yi dan seterusnya menyampaikan sijil kepada pemenang mencipta logo kepada Pereka Tingkat I di Jabatan Kerja Raya, Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial.

Menurut Awang Mohammad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China berserta rombongan semasa menghadiri Mesyuarat Joint Steering Committee (JSC) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Aliff, penciptaan logo yang dihasilkannya terdiri daripada empat elemen, iaitu berdasarkan pendekatan yang dibuatnya mengenai hubungan dua hala dan digabungkan dengan elemen bahtera yang merupakan salah satu simbol kenderaan tertua dan terpenting digunakan bagi pertukaran utusan dan perdagangan kedua negara lebih 2,000 tahun yang lalu.

Dalam pembikinan logonya, Awang Mohammad Aliff juga menentang elemen kerjasama dalam bidang pendidikan, budaya, sukan dan perdagangan yang menunjukkan hubungan dua hala, termasuk pengeksporan minyak mentah ke Republik Rakyat China serta pengimportan pakaian, produk pertanian, bahan binaan, mesin dan sebagainya.

Elemen seterusnya ialah dengan memasukkan hasil karya seni yang indah di Republik Rakyat China, antaranya kain sutera yang menjadi tarikan dan telah dihasilkan sejak beribu tahun lalu dan digabungkan dengan angka 30

menunjukkan hubungan kedua negara adalah sangat baik, seperti kain sutera yang bersimpul kuat.

Katanya lagi, sebelum tercetusnya idea yang dihasilkannya itu, beliau terlebih dahulu membuat kajian dan pemahaman dalam sesebuah pertandingan, termasuk kandungan, syarat dan permintaan pihak penganjur dan yang paling mustahak adalah tema pertandingan.

Setelah itu, tambahnya, beliau mencari elemen menarik untuk dijadikan satu logo dan setelah itu, memilih rekaan bentuk bunga berikutan ia antara objek yang menggambarkan kecantikan dan tarikan di atas muka bumi ini.

Beliau menerangkan, proses rekaan membentuk logo memang memerlukan lakaran (*sketches*), *design study* dan juga analisa yang dihasilkan dalam masa seminggu kerana keempat-empat elemen merupakan dapatan penyelidikan lalu diterapkan ke dalam reka bentuk logo yang kelihatan unik dan luar biasa.

Sementara itu, katanya lagi, skim warna yang diguna pakai adalah di ekstrak daripada bendera NBD dan Republik Rakyat China kerana bendera merupakan simbol kemegahan dan identiti sesebuah negara sehingga kesiapan sebuah logo dapat dihasilkan dengan kerja akhir selama tiga hari.

Sepanjang 30 tahun, hubungan dua hala tersebut ditingkatkan menjadi Hubungan Kerjasama Strategik semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China pada 2013 dan seterusnya diperluaskan menjadi Kerjasama Strategik pada 2018 semasa kunjungan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping ke negara ini.

Dengan adanya acara seumpama ini menandakan bermulanya pelbagai aktiviti bersama untuk memperingati peristiwa penting hubungan antara NBD dan Republik Rakyat China.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China semasa bergambar bersama pemenang mencipta logo baharu tersebut, iaitu Pereka Tingkat I di Jabatan Kerja Raya, Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Tuan Yang Terutama State Councilor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China semasa melancarkan logo baharu sempena 30 tahun hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan hadiah dan sijil kepada pelajar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Seramai 130 orang pelajar dari sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan

Pusat Tingkatan Enam Kerajaan serta Pendidikan Swasta di seluruh negara menerima anugerah mereka pada Majlis Anugerah Pelajar

Pelajar cemerlang diraikan

Cemerlang, Kementerian Pendidikan bagi tahun 2019, kelmarin, di sini.

Hadir menyampaikan anugerah kepada pelajar yang diraikan di majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir menyaksikan penyampaian anugerah itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh.

Pelajar yang diraikan pada hari kedua itu, mereka yang mendapat Anugerah Cambridge Outstanding Achievers Award 'O' Level seramai 35 orang, Anugerah Brunei Cambridge GCE 'O' Level/IGCSE-Peringkat Biasa, 32 orang, Anugerah Pendidikan Khas Brunei Cambridge GCE 'O' Level/IGCSE pula seramai enam orang dan dua pelajar menerima Anugerah BTEC Level 2 Extended Certificate.

Sementara itu, 50 orang pelajar

menerima Anugerah Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan Anugerah Pendidikan Khas Penilaian Sekolah Rendah (PSR) diberikan kepada lima pelajar.

Setiap penerima anugerah pencapaian cemerlang Cambridge ini menerima trofi, sijil pencapaian dan hadiah khas dari Cambridge Assessment International Education (CAIE) serta hadiah tajaan dari syarikat penaja.

Manakala penerima anugerah pelajar cemerlang Brunei Cambridge-GCE 'O' Level/IGCSE-Peringkat Biasa dan Calon Berkeperluan Khas, BTEC Level 2 Extended Certificate dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) menerima trofi, sijil pencapaian, wang tunai dan hadiah tajaan dari syarikat penaja.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Peperiksaan, Bahagian Pendidikan Swasta dan Unit Pendidikan Khas dengan

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

kerjasama Cambridge Assessment International Education (CAIE) mengadakan sesi kedua Majlis Anugerah Cemerlang, Kementerian Pendidikan bagi Tahun 2019.

Sementara itu, temu bual media dengan penerima Anugerah Cambridge Outstanding Achiever 'O' Level bagi peperiksaan November 2019, Mohammad Aiman bin Johari berjaya mendapat nombor 10 teratas dunia dalam Syllabus D Mathematics.

Beliau semasa ditemui menjelaskan, untuk mencapai kejayaan itu apa yang penting adalah membuat perancangan awal sebelum menghadapi peperiksaan.

Apa yang penting juga mendekati diri kepada Allah dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran, sembahyang dan berdoa untuk memohon keberkatan dari Allah.

Ke muka 9

Bertukar pandangan mengenai sektor pengangkutan, infokomunikasi

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa sesi bergambar ramai pada Sesi Muzakarah tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Sesi Muzakarah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Tingkat 1, Bangunan MTIC.

Hadir memperkerusikan Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Rombongan Ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Dalam ucapan alu-aluan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi antara lain mengongsikan pencapaian utama yang berperanan signifikan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu pelan-pelan strategik seperti Pelan Strategik MTIC 2025; Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya bagi Negara Brunei Darussalam 2025 yang disasarkan pelaksanaannya dalam tempoh lima tahun yang

akan datang.

Selain itu, beberapa inisiatif utama difokuskan bagi mencetus proses transformasi digital di negara ini, di samping memastikan keselamatan siber melalui penubuhan Cyber Security Brunei (CSB) sebagai salah satu *enabler* strategik utama kepada transformasi digital tersebut.

Manakala inisiatif-inisiatif ke arah memastikan kedayatahan sektor pengangkutan seperti keselamatan pengguna jalan raya serta kepentingan dalam memastikan kenderaan digunakan adalah *road-worthy* juga turut dikongsikan.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai impak yang dialami oleh industri pengangkutan dan infokomunikasi daripada kesan pandemik COVID-19 serta usaha-usaha ke arah memperkenalkan norma baharu dalam memastikan kedayatahan kedua-dua sektor tersebut.

Sesi Muzakarah antara MTIC dan Ahli-ahli MMN ialah satu platform untuk berbincang secara terbuka dan bertukar-tukar pandangan dalam suasana muhibah mengenai sektor

pengangkutan dan infokomunikasi terutama sekali dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan program yang diunggayahkan demi kepentingan rakyat dan penduduk negara ini.

Turut hadir dalam Sesi

Muzakarah tersebut ialah Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji

Abdul Karim; Pengarah-pengarah Bahagian, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Eksekutif Pihak Berkuasa, Pesuruhjaya Interim, Cyber Security Brunei (CSB) serta pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai MTIC.



SESI Muzakarah bersama Ahli-ahli MMN tersebut merupakan satu platform untuk berbincang secara terbuka dan bertukar-tukar pandangan mengenai sektor pengangkutan dan infokomunikasi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan program yang diunggayahkan.

Lengkapilah peserta dengan operasi, strategi pertahanan, keselamatan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-11 di Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu.



TANAH JAMBU, Khamis, 14 Januari. - Para peserta dihasrat akan dilengkapi dengan wawasan yang baik mengenai dengan konsep utama operasi dan strategi dalam pertahanan dan keselamatan serta memperoleh asas kemahiran.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji

Sahat menekankan perkara tersebut pada Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-11 yang berlangsung di Auditorium Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu, di sini.

Jelasnya, kursus itu juga menyediakan platform interaktif bagi para peserta berkongsi, meneroka dan membincangkan konsep dan isu yang berkaitan dengan landskap keselamatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bersama sambil mendapat jurang antara prinsip abstrak dan realiti. Oleh itu, kita tegasnya, mesti memahami dan bertindak balas terhadap perubahan realiti dalam persekitaran keselamatan dan operasi ketenteraan yang sentiasa berubah.

"Wabak COVID-19 yang kita hadapi sekarang telah membuktikan bahawa ia lebih daripada sekadar krisis kesihatan. Ini mempunyai jangkauan dan kesan besar terhadap keadaan sosioekonomi dunia kita," tambahnya lagi.

Seramai 33 orang pegawai, terdiri daripada 18 pegawai ABDB; seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); seorang pegawai dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN); dan 13 orang pegawai antarabangsa daripada 10 buah negara, iaitu Republik Rakyat Bangladesh, Republik India, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Arab Saudi, Republik Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat mengikuti kursus berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera ABDB, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengarah JKDN, Pegawai-pegawai Kanan serta Penasihat / Atase Pertahanan ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Ali 'Imran, dari ayat 7 hingga 13, diketuai oleh wakil peserta kursus, Mejar (U) Wan Muhammad Azem bin Haji Md. Amiruddin.

Majlis tersebut diteruskan dengan acara *flag unflurling* yang melambangkan kerjasama yang rapat di antara negara-negara yang mengikuti kursus ini dan menekankan kepentingan meningkatkan persahabatan yang erat di antara peserta-peserta Kursus Maktab Turus di sepanjang kursus ini dijalankan nanti.

Kursus Maktab Turus Sesi 11/2021 ini bertujuan untuk memperluaskan lagi pengetahuan profesional dan akademik ke arah persekitaran strategik kontemporari dan kesannya terhadap tugas mereka sebagai



PEMERINTAH ABDB semasa hadir dan berucap pada Majlis Pembukaan Kursus tersebut (kiri dan atas).

pakar di bidang pertahanan dan keselamatan.

Ia juga merupakan kursus selama 40 minggu yang dikendalikan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi tahun ketiga sebagai pembekal akademik.

Di penghujung kursus ini, para peserta kursus yang berjaya akan dianugerahkan Graduate Diploma in Defence and Security Studies daripada pihak UBD dengan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Master of Defence and Security Studies.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	174		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	3	3	168

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (254 hari yang lalu)	33 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
547	11,271

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
143 sampel	86,510

COVID-19 : 547 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 33 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai tiga kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan jumlah keseluruhan kes yang

sembuh setakat ini, seramai 168 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 547 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 11,271 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 143 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 86,510 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Terus eratkan hubungan melalui seni



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam bersama salah satu lukisan yang dihasilkan oleh artis seni veteran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Artis seni veteran Negara Brunei Darussalam (NBD), Pengiran Abdul Wahab Hassan Al-Abbas, Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tuah dan Dr. Zakaria Haji Abdul Hamid telah membuat persembahan lukisan secara langsung di Kedutaan Republik Turki pada 13 September 2020 lalu bersempena Pameran Solo Pengiran Abdul Wahab yang dihoskan oleh pihak kedutaan.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Plak Peringatan

berlangsung kelmarin yang juga dihadiri oleh penggiat seni veteran, Pengiran Abdul Wahab, Pengiran Timbang dan Dr. Zakaria dan lebih daripada 20 artis seni veteran yang diadakan di taman kedutaan.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgün berucap mengatakan bahawa seni dan budaya menyediakan platform bagi orang ramai untuk berhubung di antara satu dengan yang lain malah, beliau sendiri telah menjumpai

penggiat seni dalam pelbagai acara kebudayaan.

Dalam konteks yang lebih besar, acara seni yang dihoskan oleh Kedutaan Republik Turki ini juga dapat dianggap sebagai jambatan antara pihak kedutaan dengan masyarakat setempat dan begitu juga sebaliknya.

Tuan Yang Terutama menambah bahawa jambatan ini kukuh dan bertahan lama apabila ia dipindahkan dari memori individu ke ingatan institusi dan kolektif.

Siaran Akhbar dan Foto :

Kedutaan Republik Turki di Negara Brunei Darussalam



MAJLIS Perasmian Plak Peringatan yang dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh kerana pertunjukan langsung oleh tiga artis seni veteran NBD di premis kedutaan merupakan warisan penting bagi pihak kedutaan dan akan menjadi lebih penting lagi pada masa depan.

Justeru, pihak kedutaan memutuskan untuk melindungi titisan cat di lantai dan

meletakkan plak peringatan, bagi meneruskan kisah di sebalik warisan tersebut kepada generasi akan datang.

Lukisan bertajuk 'Dari Bandar Seri Begawan ke Istanbul' disumbangkan oleh Pengiran Abdul Wahab kini dipaparkan di dinding Pejabat TYT.

COVID-19 : 3 masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	174		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	3	3	168

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (253 hari yang lalu)	33 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
613	11,185

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
308 sampel	86,367

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak

174 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 253 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 33 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tiga kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 168 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 613 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 11,185 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 308 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 86,367 ujian.

Sehubungan dengan berita mengenai satu kes positif yang dilaporkan di negara jiran, pada 13 Januari 2021 dan dikatakan diimport dari Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyiasatan awal mendapati tidak ada kontak terdekat dikenal pasti.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan memperluaskan aktiviti pengawasan atau pemantauan (*surveillance*) untuk memastikan tidak ada jangkitan terpendam berlaku dalam kalangan masyarakat.

Setakat ini, seramai 37 orang,

terdiri daripada rakan-rakan, termasuk rakan kerja yang bertemu dengan kes berkenaan dalam masa 14 hari sebelum kes tersebut meninggalkan NBD diarahkan untuk menjalani ujian SAR-CoV-2 bagi tujuan pengawasan atau pemantauan ini.

Mereka juga diarahkan untuk menjalani pengasingan diri

sehingga keputusan ujian diperoleh.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Sebahagian Jalan Merangking ditutup akibat tanah susur

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama para pengguna jalan raya bahawa sebahagian jalan di Jalan Merangking, khususnya di kawasan Kampung Buau menuju ke Sukang, pada masa ini adalah ditutup sementara akibat berlakunya kejadian tanah susur di beberapa kawasan di sepanjang jalan tersebut.

Sehubungan dengan itu, sebagai tindakan segera, pihak JKR telah pun menutup permukaan jalan raya dan tanah susur tersebut dengan kanvas untuk mengelakkan keadaan tanah susur menjadi lebih teruk demi menjaga keselamatan orang ramai.

JKR juga menasihatkan para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui Jalan Merangking, terutama pada waktu malam dan waktu hujan, di samping mematuhi papan tanda amaran jalan raya demi menjaga keselamatan diri dan menghindari perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Selain itu, kenderaan-kenderaan berat, seperti lori pembalok dinasihatkan untuk tidak menggunakan kawasan jalan raya berkenaan.

Sebarang aduan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam 123.

Pilih Islam sebagai pegangan hidup



Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

NUURHAYATI anak **Jingan** melafazkan ikrar dua kalimah syahadah di hadapan para pegawai dari PDI dan memilih nama Islamnya sebagai **Atilla Sofeana Nuurhayati binti Abdul Alim Jingan**.

Semasa ditemui, beliau sangat terharu dan sebak, melafazkan dua kalimah syahadah daripada niat hati yang tulus ikhlas di hadapan kaum keluarga, rakan-rakan dan pihak yang berwajib.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar yang juga menyampaikan cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban disusuli dengan menabur bunga rampai daripada kedua ibu bapa dan para tetamu yang hadir dan seterusnya bacaan Doa Selamat.

Setakat ini sahaja, PDI merekodkan sejumlah 11 saudara baharu bagi awal tahun ini, manakala sepanjang tahun 2020, statistik keramaian orang yang memeluk Islam bagi seluruh negara ialah seramai 435 orang mualaf.

Nuurhayati melafazkan ikrar dua kalimah syahadah di hadapan pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI. Sejurus selepas melafazkan ikrar dua kalimah syahadah, remaja berbangsa Iban itu memilih nama Islamnya, Atilla Sofeana Nuurhayati binti Abdul Alim Jingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Hasrat Nuurhayati anak Jingan untuk memeluk dan memilih Islam sebagai pegangan hidup akhirnya

termakbul apabila beliau melafazkan ikrar dua kalimah syahadah, hari ini, di sini.

Keyakinan memilih Islam sebagai pegangan hidup

bertambah kuat setelah bergaul bersama teman seperjuangan yang beragama Islam diikuti dengan hidayah keyakinan hati remaja yang berusia 18 tahun tersebut.

HALUAN

Mengukuhkan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Brunei

Dari muka 2

Sebelum mengakhiri ucapan peramba / saya ini, ingin peramba / saya menyentuh kembali visi dan misi PPPMB yang begitu luas dan menyeluruh. Izinkan peramba / saya bacakan sekejap.

Visi

Ke arah memperkasa Peniaga-Peniaga Melayu Brunei.

Misi / Matlamat

- Membimbing PPPMB bersedia untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

- Pembangunan Peniaga-Peniaga Melayu.

- Melahirkan Peniaga Melayu bertaraf antarabangsa.

- Ke arah menubuhkan institusi kewangan.

- Siap menempuhi 2035.

- Perusahaan berorientasikan berusaha dan mendukung untuk menjadikan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei sebagai

pengemudi / peneraju / pemimpin sebilangan besar industri perniagaan di negara ini.

- Menyatupadukan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei di samping mewujudkan sikap bantu-membantu dan sering bermuzakarah demi mengukuhkan sebarang kegiatan ekonomi melalui aktiviti perniagaan-perniagaan di kalangan masyarakat Melayu Brunei. Selain untuk meninggikan taraf hidup serta kemajuan perniagaan dan kegiatan ekonomi.

- Membantu di dalam melaksanakan kerja-kerja amal

yang bermanfaat kepada semua ahli khususnya, masyarakat dan ekonomi negara amnya.

Bertolak dari situ, *bisai* jua peramba / saya serahkan kepada Dr. Presiden dan Ahli AJK PPPMB untuk meneliti kembali perkataan yang ada PPPMB (peniaga-peniaga) supaya ia diselaraskan dapat mencakup segala kenyataan yang terdapat dalam Misi dan Visi PPPMB. Sama ada digunakan juga perkataan 'pengusaha-pengusaha' atau ada perkataan lain lagi yang lebih sesuai dan tepat serta menyeluruh menyentuh perkara-perkara yang terdapat Visi dan Misi PPPMB.

Allah Subhanahu Wata'ala memberikan jaminan dalam Surah Al-Insyirah, dalam syarah

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Jangan dipersoalkan tanah, jika pokok tidak subur, rindang dan berbuah;

Jangan dipersoalkan baja, jika tanaman tidak mengeluarkan hasil lumayan;

Jangan dipersoalkan air, jika tanaman tidak mau membesar dan berbuah ranum dan banyak;

Jangan dipersoalkan tempat, jangan dipersoalkan udara, jangan dipersoalkan apa saja;

Carilah bagaimana permasalahan boleh terjadi. Selidikilah kesesuaian cara dan bagaimana kejadian begitu dan begini. Pelajarilah tatacara dan tatusaha yang perlu dirujuk dan dicari. Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wasallamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pelajar cemerlang diraikan

Dari muka 6

Dengan anugerah yang diperolehi ini, ia sebagai pemangkin untuk terus berjaya dan mendapat lebih banyak anugerah di masa akan datang.

Beliau turut berkongsi kerana tidak menyangka akan mendapat anugerah yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan dalam masa yang sama juga merasa gembira dan teruja untuk menerima anugerah berkenaan.

Beliau turut merancang untuk mendapatkan biasiswa melanjutkan pengajian ke luar negara dan ingin menjadi seorang doktor.

Manakala Mohammad Wajdi bin Haji Mohammad Ja'afar yang merupakan salah seorang pelajar teratas di Negara Brunei Darussalam dalam Ulum Al-Quran

(Brunei) dalam Peperiksaan GCE peringkat 'O' pada November 2019.

Beliau kini melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHAB) mengambil jurusan Ulum 2 dalam Sain dan Bahasa Arab.

Untuk mencapai apa yang dihasratkan perlunya untuk membuat persediaan awal dan bukan hanya untuk menghafal saja tapi perlunya memahami apa yang dipelajari.

Beliau seterusnya berharap selepas menamatkan pengajian di SMALHAB, akan meneruskan pengajian lagi di peringkat yang lebih tinggi.

Sementara Nur Akmalina binti Ahmad Kamal dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong merupakan salah seorang pelajar

teratas di NBD dalam Arts and Design.

Dalam usaha untuk memperolehi keputusan yang cemerlang ini, beliau banyak meluangkan masa membuat penyelidikan dari artis-artis.

Sebelum menduduki peperiksaan, beliau telah membuat ulangkaji menggunakan kertas peperiksaan yang lepas selain membayangkan sedang berada di ruangan peperiksaan sebagai persiapan diri sebelum hari peperiksaan.

Turut hadir di majlis itu, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), pengarah - pengarah, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin sekolah dan ibu bapa serta penjaga penerima anugerah.

قجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn

PSC RECRUITMENT



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu".

Agama Islam menuntut umatnya mencari rezeki melalui jalan yang halal lagi baik bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk orang-orang yang berada di bawah tanggungan. Ketahuilah, terdapat banyak cara atau jalan yang boleh dilakukan

dalam mencari rezeki, antaranya ialah melalui berniaga. Dalam berniaga, antara ciri utama yang perlu kita amalkan ialah bersikap jujur dan amanah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan dalam hadis Baginda bahawa peniaga yang jujur dan amanah dalam mengendalikan perniagaan itu telah dijanjikan kedudukan yang tinggi dan mulia di akhirat kelak. Daripada Abu Said Al-Khudri radiallyuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Peniaga yang boleh dipercayai dan amanah itu, akan bersama para Nabi, Siddiqin dan para Syuhada". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya peniaga yang jujur dan amanah itu memang selayaknya mendapat ganjaran yang sedemikian. Ini kerana dalam dunia perniagaan, seorang peniaga itu akan menghadapi pelbagai cubaan dan dugaan seperti cenderung untuk bersifat tamak bagi mendapatkan keuntungan yang banyak walaupun melalui jalan yang salah seperti melakukan penipuan dan berbuat khianat.

Justeru, para peniaga hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam menjalankan perniagaan mereka agar tidak terjerumus melakukan apa jua perbuatan yang menyalahi hukum syarak dan juga undang-undang negara seperti menjual barangan yang haram seperti arak, barang curian, barang seludup dan seumpamanya.

Para peniaga hendaklah menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kerana hendak meraih keuntungan yang berlipat ganda, maka perkara yang salah pula dilakukan. Perlu diingat, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Maha Melihat dan Maha Mengetahui setiap perbuatan hamba-hamba-Nya termasuk dalam

urusan jual beli. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mulk, ayat 14 :

Tafsirnya : "Adakah Allah yang menciptakan (sekalian makhluk itu) tidak mengetahui (apa yang kamu rahsiakan dan nyatakan)? Padahal Dia Maha mendalam Pengetahuan-Nya lagi Maha Teliti".

Agama Islam mengharamkan segala bentuk penipuan, baik dalam setiap urusan niaga, muamalat ataupun urusan sesama manusia, akan tetapi malangnya masih juga kedengaran terdapat segelintir orang di kalangan masyarakat kita yang tergamak memperdaya dan mengaburi mata pelanggan dengan pelbagai helah dalam perniagaan semata-mata bagi mengaut keuntungan.

Sebagai contoh menjual barang yang telah rosak, menjual barang yang telah mansuh tarikh luputnya, mengurangkan timbangan ataupun sukatan, mencampuradukkan bahan basah seperti ikan, ketam dan udang yang segar dengan yang kurang segar, menjual ikan dengan memperlihatkan jenis yang besar dan segar di atasnya walhal yang di bawahnya ialah ikan yang kecil ataupun tidak segar, mencampuradukkan daging dan daging ayam yang diragui kehalalannya dan tidak diketahui sumbernya dan seumpamanya.

Perlu diketahui, bahawa seorang peniaga itu tidak boleh menyembunyikan apa-apa jua kekurangan atau kerosakan yang ada pada barang jualannya. Ini kerana sekiranya disembunyikan juga maka perbuatan itu boleh dianggap sebagai suatu penipuan kepada pembeli. Sesungguhnya balasan atau akibat dari perbuatan menyembunyikan aib barangan itu ada disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim iaitu terkeluar daripada golongan umat Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Abu Hurairah radiallyuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu di hadapan satu longgokan makanan yang dikumpulkan, lalu Baginda memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut dan Baginda mendapati jari-jari Baginda basah. Baginda bertanya : "Apakah ini wahai pemilik makanan? Pemilik menjawab : "Telah (basah) terkena air hujan wahai Rasulullah!" Baginda bersabda : "Kenapa tidak kamu letakkan saja yang basah itu di atas longgokan makanan supaya orang ramai dapat letakkan saja yang basah itu di atas longgokan makanan supaya orang ramai dapat melihatnya? Sesiapa yang menipu (memperdaya) maka dia bukan daripada (golongan) ku".

Dalam perniagaan, sememangnya semua peniaga mahukan keuntungan, namun dalam mencari keuntungan, para peniaga hendaklah menitikberatkan kejujuran dan sikap amanah. Ini kerana kejujuran dan amanah itu merupakan antara punca mendapat keberkatan dalam rezeki.

Akhirnya, marilah kita sentiasa memastikan bahawa sumber rezeki yang kita peroleh itu adalah dari sumber yang halal dan sama-samalah kita berdoa semoga kita menjadi orang yang sentiasa bersyukur dan tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang dilalaikan oleh urusan perniagaan dan jual beli daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "(Iaitu) orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak juga oleh jual beli daripada mengingati Allah, dan daripada mendirikan sembahyang serta membayar zakat, mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya hati dan pandangan berbolak-balik (disebabkan huru-hara hari kiamat itu)". (Surah An-Nur, ayat 37)

Uji kesediaan, rancangan tindak balas

Siaran Akhbar : Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi

MUARA, Rabu, 13 Januari. - Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) menganjurkan Tabletop Exercise (TTX) Tahap 3 di Tapak Perindustrian Pulau Muara Besar (PMB).

Tujuan latihan ini adalah untuk menguji kesediaan dan rancangan tindak balas Hengyi serta pelbagai agensi sektor kerajaan, bukan kerajaan dan swasta dalam

menguruskan insiden besar dan pengosongan di PMB untuk mengurangkan risiko dan mengelakkannya korban jiwa.

Latihan TTX bermula dengan kebocoran gas daripada paip yang disambungkan ke Deheptanizer Feed - Parex Feed di Unit Kompleks Aromatics.

Dalam latihan tersebut, Pasukan Respons Kecemasan Hengyi dan Pasukan Koordinasi Kecemasan diaktifkan sebagai responden barisan hadapan untuk melakukan

evakuasi.

Sejumlah 95 anggota daripada 19 buah agensi terlibat dalam latihan tersebut yang bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 11.00 pagi.

Kementerian dan agensi yang turut serta dalam TTX adalah Kementerian Kesihatan; Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan; Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS); Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri (JPM); Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Jabatan Penerangan, JPM; Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan; Jabatan Daerah Brunei dan Muara, KHEDN; Pusat Penyelaras Keselamatan Negara (NSCC); Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam; Darussalam Enterprise dan Damai Holdings Limited.

SYARIKAT Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan menganjurkan Tabletop Exercise (TTX) Tahap 3 di Tapak Perindustrian Pulau Muara Besar.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga dan Kuasa Elektrik) semasa menyaksikan TTX.

Turut hadir untuk memerhatikan dan menilai latihan tersebut adalah Kementerian Tenaga; Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) dan Pihak Berkuasa Petroleum Brunei Darussalam.

Hengyi sebelumnya melaksanakan sejumlah Latihan Tindak Kecemasan Tahap 1, 2 dan 3.

Latihan Tindak Balas Kecemasan Tahap 1 mensimulasikan insiden berskala kecil yang dapat diuruskan oleh Hengyi sendiri, manakala pada Tahap 2 mensimulasikan

kejadian kecemasan di kawasan setempat dan Tahap 3 mensimulasikan kejadian kecemasan yang menjadi insiden di peringkat kebangsaan.

Pada 19 September 2019, Hengyi menyelesaikan Latihan Tindak Balas Kecemasan Tahap 3 sebagai sebahagian daripada syarat untuk mengesahkan kesediaan Hengyi di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Kemudahan) (Pengendalian Peraturan Bahaya Kemalangan Besar), 2013.



Masalah air kekuningan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan kualiti air yang kurang memuaskan pada masa ini yang melibatkan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara.

Kawasan-kawasan tersebut ialah Kampung Serasa, Kampung Mentiri, Kampung Kapok, Kampung Sungai Buloh, Perumahan Kampung Panchor Mengkubau, sebahagian Kampung Kota Batu dan sekitarnya.

Untuk makluman, masalah air berwarna berpunca daripada hujan berpanjangan pada musim ini menyebabkan banyak bahan organik dan tanah mengalir ke tadahan empangan melalui aliran permukaan bumi (*surface-runoff*) yang menyebabkan kandungan mineral dan bahan organik menjadi tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak JKR meningkatkan usaha untuk menangani isu air berwarna dengan melaksanakan pelbagai kerja-kerja operasi seperti mencuci tangki-tangki simpanan air; menggunakan kimia tambahan; memastikan segala tangki penapisan, kolam penjernih, doskimia, pam-pam dan sebagainya di Loji Rawatan Air berfungsi dengan baik serta memantau kualiti air mentah empangan.

Di samping itu, pihak jabatan juga mengawas kualiti bekalan air berdasarkan parameter garis panduan Piawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pihak JKR juga sentiasa menjalankan pemantauan rutin ujian sampel air dari beberapa lokasi di Daerah Brunei dan Muara serta melaksanakan operasi *flushing* rangkaian paip air secara berterusan di kawasan-kawasan terlibat.

JKR juga ingin menasihati orang ramai terutamanya yang mempunyai tangki rumah dan penapis air persendirian untuk memastikan peralatan tersebut sentiasa dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* dan *backwashing*.

Selubungannya itu, pihak JKR juga ingin menasihati orang ramai supaya memasak air terlebih dahulu sebelum digunakan untuk masakan atau minuman sebagai langkah berjaga-jaga tambahan dan memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas kesulitan yang dialami dan ingin berterima kasih atas kerjasama dan kesabaran orang ramai.

Makluman perubahan waktu lawatan

Siaran Akhbar : Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sukacita memaklumkan mengenai perubahan waktu lawatan kepada orang ramai ke muzium, galeri dan taman bermula Isnin, 11 Januari 2021.

Bagi Muzium Teknologi Melayu, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Muzium Maritim Brunei Darussalam, Taman Warisan Tasek Merimbun (Taman Kulimambang dan Denai Penerangan sahaja) dan Taman Arkeologi Kota Batu, waktu lawatan dibuka setiap Sabtu hingga Khamis iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan pintu masuk ditutup jam 4.30 petang. (Hari Jumaat adalah tutup).

Sementara itu, bagi Galeri Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Muzium Daerah Belait, Jalan Maulana Belait, waktu lawatan dibuka setiap Sabtu hingga Rabu bermula jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang dan ia ditutup setiap Khamis dan Jumaat.

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi talian +673 2381672/7, laman sesawang www.museums.gov.bn atau melalui e-mel info@muzium.gov.bn.

Sesi forum serikan Majlis Ilmu 2020

Siaran Akhbar : Jawatankuasa Promosi dan Publisiti, Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan Majlis Ilmu 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Sempena Majlis Ilmu 2020 yang diadakan setiap tahun, pihak Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan Majlis Ilmu 2020 akan mengadakan sesi forum bertajuk 'Jantung Hatiku' yang akan diadakan pada Sabtu, 2 Jamadilakhir 1442 Hijrah bersamaan dengan 16 Januari 2021 Masihi, bertempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili dan Konsultan, Ketua Unit Kardiologi, Kementerian Kesihatan, Dr. Mohamad Ezam bin Emran adalah ahli-ahli panel yang akan menyampaikan pembentangan di dalam forum tersebut.

Manakala Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yusoff bin Haji Abd. Majid adalah moderator bagi forum ini.

Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan untuk menjaga kesihatan, terutama sekali penjagaan jantung dari aspek perubatan dan kerohanian.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke forum tersebut ataupun juga dapat diikuti melalui Instagram [@mi.brunei2020](https://www.instagram.com/mi.brunei2020) yang akan disiarkan secara langsung kepada orang ramai.

Selain forum, pameran berkaitan dengan kesihatan juga akan diadakan di masjid berkenaan di samping beberapa aktiviti seperti pemeriksaan kesihatan, kuiz kesihatan dan demonstrasi sembahyang ketika sakit.

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs), bagaimana untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjaga kesihatan mengikut sunnah serta mengikuti pemeriksaan kesihatan secara percuma dialu-alukan untuk hadir ke pameran tersebut.

Pameran ini akan diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Forum dan pameran sempena Majlis Ilmu 2020 ini diunggayahkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, KHEU, UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Jawatankuasa Kerja Acara

Sampingan bagi Sambutan Majlis Ilmu 2020.

Beberapa forum dan pameran juga akan diadakan di masjid-masjid, dewan-dewan kemasyarakatan dan kompleks membeli-belah di keempat-empat daerah dari Januari sehingga Februari tahun ini.

Acara berikut yang akan diadakan adalah sebuah forum bertajuk 'Gaya Hidup Sihat' di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, pada Ahad, 3 Jamadilakhir 1442H bersamaan 17 Januari 2021M pada jam 9.00 pagi. Orang ramai dialu-alukan untuk menghadiri forum tersebut.

Ahli-ahli panel bagi forum ini ialah Pegawai Perubatan Gred II, Kementerian Kesihatan; Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yusoff, Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Ummi Faizah binti Haji Abdul Rahman dan Pegawai Psikologi, Kementerian Kesihatan, Hajah Rozailah binti Haji Abd. Rahman.

Manakala Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah adalah moderator bagi forum tersebut.

Bagi maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2020, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang www.majlisilmu.gov.bn dan media sosial rasmi Majlis Ilmu 2020 menerusi Instagram [@mi.brunei2020](https://www.instagram.com/mi.brunei2020) dan Facebook : [Majlis Ilmu 2020](https://www.facebook.com/MajlisIlmu2020).

COVID-19 : 15 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 86,059 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai

boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn

atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	174		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
15	3	3	168

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (252 hari yang lalu)	33 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
630	11,119

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
188 sampel	86,059

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 10.00 pagi ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 174 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 252 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 33 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tiga kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 168 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 630 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 11,119 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.


Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 188 sampel ujian virus SARS-CoV-2

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



Lebih 100 kotak mercun dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 13 Januari. - Sebanyak 100 kotak mercun, jenis 3388; dan 10 kotak mercun, jenis 8888 Happy Boom Firecracker, dirampas oleh keanggotaan Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Kejadian yang berlaku pada 12 Januari 2021, sekitar jam 8.00 malam itu, merupakan hasil daripada pemantauan pencegahan jenayah yang dijalankan oleh keanggotaan balai, di kawasan Kampung Bokok, Daerah Temburong.

Semasa pemantauan dibuat, sebuah kenderaan pacuan empat roda didapati keluar dari persimpangan Jeti Tambatan, Kampung Bokok dalam keadaan yang mencurigakan.

Peronda bertugas kemudian dikerah untuk segera membuat penahanan ke atas pemandu dan kenderaan tersebut.

Ketika pemeriksaan dijalankan,

pihak polis menemukan sejumlah bungkusan kotak-kotak yang berisi barangan tegahan dipercayai bahan mercun.

Pemandu berserta kenderaan dan barang rampasan, kemudiannya dibawa ke Balai Polis Bangar bagi siasatan lanjut.

Suspek merupakan seorang lelaki, warganegara tempatan, berumur 45 tahun dan tidak bekerja.

Pada kesempatan ini, PPDB ingin menegaskan akan larangan tersebut kerana ia menjurus kepada kemaslahatan orang awam kerana jika ia diingkari, maka boleh mengundang bahaya kepada bukan sahaja mereka yang bermain, tetapi juga kepada orang lain kerana api dihasilkan daripada bahan bunga api boleh mendatangkan kecederaan kepada tubuh badan, kerosakan kepada harta benda dan kebakaran.

Oleh itu, diingatkan dan ditekankan kepada orang ramai

sepertimana Peraturan 15, Akta Senjata Api dan Bahan Letupan Negara Brunei Darussalam, Penggal 58, iaitu sekatan mengimport mercun, bunga api dan sebagainya, menyebutkan sesiapa sahaja tidak boleh mengimport, membuat, menjual atau memiliki apa-apa mercun atau bunga api atau yang mengandungi bahan letupan atau campuran bahan letupan.

Sesiapa yang didapati melanggar undang-undang tersebut boleh didakwa dan dihukum penjara bagi tempoh tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 15 tahun juga hukuman tiga kali sebatan dan tidak melebihi 12 kali sebatan.

Manakala bagi hukuman mengikut Peraturan 17 (2), Akta Senjata Api dan Bahan Letupan menyatakan mana-mana orang yang melanggar Peraturan 15, Akta Senjata Api dan Bahan Letupan adalah bersalah kerana melakukan satu kesalahan dan jika sabit akan dikenakan denda BND3,000.

Sementara mengikut Seksyen


6, Undang-Undang Kesalahan Kecil, Penggal 30, menyatakan mana-mana orang yang menyalakan atau membakar apa-apa bahan api hingga menyebabkan gangguan, kesulitan

atau menimbulkan bahaya kepada orang awam atau melepaskan apa-apa belon api atau roket di mana-mana jalan awam adalah bersalah dan boleh dihukum denda BND250.



KEANGGOTAAN Balai Polis Bangar berjaya merampas sebanyak 100 kotak mercun jenis 3388 dan 10 kotak mercun jenis 8888 Happy Boom Firecracker di kawasan Kampung Bokok, Daerah Temburong.

Lemas semasa menjalani aktiviti menaiki bukit



OPERASI pencarian dijalankan oleh anggota Bomba dan penyelamat di tempat berlakunya insiden seorang lelaki lemas di Wasai Teraja Labi.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

LABI, Rabu, 13 Januari. - Seorang lelaki, berusia 34 tahun, dipercayai lemas semasa menjalani aktiviti menaiki bukit.

Semasa operasi pencarian tersebut, seramai 22 anggota Bomba dan penyelamat dilibatkan ke tempat berlakunya insiden berkenaan, pada 12.15 tengah hari, di Wasai Teraja Labi.

Operasi mencari dan menyelamat tersebut diketuai oleh Pemangku Stesen Komander Balai Bomba Labi, Pegawai Balai, Sawkawi bin Bakar dan dibantu oleh Unit Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama penduduk kampung (Guide Rumah Panjang Bukit Teraja

Labi).

Dalam operasi tersebut, anggota Bomba bertindak mencari dan menyelamat di kawasan tebing wasai, seterusnya anggota penyelamat bertindak mencari dan menyelamat mangsa di dalam air.

Mangsa dijumpai oleh anggota penyelamat, pada 5.15 petang dan diserahkan ke Paramedik EMAS.

Turut hadir ke lokasi kejadian, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'B', Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Noor Aflan bin Awang Kachi; dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmad; bersama Ketua Rumah Panjang Teraja, Labi, Gaung anak

Gamit.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa membawa jurupandu yang berpengalaman (*guide*) untuk masuk ke kawasan hutan juga jangan menaiki bukit semasa keadaan selepas hujan kerana keadaan jalan agak licin dan berbahaya.

JBP juga menyeru kepada orang ramai untuk tidak berenang bersendirian atau berenang terlalu jauh dari perairan di luar kemampuan.

Jika mendapati ada orang lemas dan minta pertolongan, pastikan awda pandai berenang juga memakai jaket keselamatan sebelum menyelamatkannya.

Jika berlakunya kecemasan hubungi terus Talian Kecemasan Bomba 995.

Berwaspada sebelum, semasa jalankan aktiviti perairan

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) menggesa orang ramai, terutama pemilik kapal dan teksi air atau pengusaha bot laju agar berwaspada sebelum dan semasa menjalankan aktiviti perairan mereka semasa cuaca buruk.

Jabatan Meteorologi Brunei Darussalam dalam siaran akhbarannya, baru-baru ini, memaklumkan kepada orang ramai bahawa Negara Brunei Darussalam kini dalam Monsun Timur Laut yang membawa keadaan cuaca tidak menentu dengan hujan lebat sekali-sekala atau ribut petir.

Laut bergelora dan luruan angin Timur Laut yang kuat juga boleh menyebabkan peningkatan ketinggian ombak di perairan Brunei, ia berbahaya bagi semua kapal kecil, termasuk bot laju dan teksi air.

Orang ramai adalah disarankan untuk selalu memeriksa ramalan cuaca harian dan tidak melakukan aktiviti air yang tidak penting juga bersiap sedia untuk menghadapi cuaca buruk dengan langkah-langkah keselamatan, seperti memakai jaket keselamatan semasa menaiki bot, pastikan muatan bot tidak berlebihan, memastikan kapal awda berada dalam keadaan baik sebelum menjalankan aktiviti / perjalanan air awda, dan memaklumkan keluarga dan / atau rakan awda ke mana awda merancang untuk pergi.

Bantu kesan Rajib Kumar Roy

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki, warganegara Bangladesh, Rajib Kumar Roy, 33 tahun, pemegang nombor Pasport BL0594171, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



RAJIB Kumar Roy, 33 tahun, yang dilaporkan lari daripada majikan.

ISB, Seria bakal berikan peningkatan keupayaan pelajar



PENGARAH Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Puan Agnete Johnsgaard-Lewis menanam pokok sebagai tanda pembukaan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), Seria.

SERIA, Rabu, 13 Januari. - Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB), di Daerah Belait yang sebelum ini terletak di daerah tersebut kini berpindah ke tapak baharu, di Seria, sejak Jun, tahun lalu, di F19, Seria.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian sekolah tersebut diadakan dan dihadiri oleh Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Puan Agnete Johnsgaard-Lewis yang juga menanam pokok sebagai tanda pembukaan sekolah berkenaan.

Bangunan tersebut diubah suai dengan kapasiti maksimum untuk seramai 240 pelajar, dengan bilik darjah yang lebih besar, ruang membaca yang lebih teratur, kawasan pembelajaran melukis,

pembinaan, muzik dan seumpamanya untuk menyokong kurikulum, termasuk kawasan permainan juga padang permainan yang besar untuk kanak-kanak sekolah rendah.

Sementara kemudahan luaran baharu adalah termasuk taman permainan Early Years, trek yang dibina khas untuk pelajar menunggang basikal, kereta mainan dan skuter bagi menyokong koordinasi, keseimbangan sesuai dengan pengalaman dan kemahiran pengajar.

Penggunaan video slaid di bilik darjah juga disediakan supaya kanak-kanak dapat belajar dengan mudah.

Langkah itu membolehkan sekolah menawarkan kurikulum yang lebih baik dalam mata pelajaran, seperti Pendidikan Fizikal; berenang; Bahasa Asing Moden (Modern Foreign Language - MFL) dalam Bahasa

Mandarin dan Bahasa Melayu; juga pembelajaran muzik.

ISB menawarkan pelbagai Extra Curricular Activities (ECA) yang serupa dengan sekolah kerajaan.

ISB, Seria kini mempunyai seramai 168 pelajar, dari umur 2 tahun hingga murid Tahun 6.

Pengetua Eksekutif ISB, Laura Thomas, melahirkan rasa bangga atas pembukaan ISB, Seria, yang mampu menyediakan tempat pengajaran dan pembelajaran yang bakal memberikan peningkatan keupayaan pelajar juga bersedia memberikan komitmen padu kepada para pelajar dan warga, di Daerah Belait.

Hadir sama, Pengarah Urusan, Brunei Liquefied Natural Gas Sdn. Bhd. (BLNG), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Perasmian pembukaan sekolah berkenaan juga bagi meraikan lebih daripada 15 tahun penubuhannya di Daerah Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

7 premis perniagaan dikompaun

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 4 hingga 10 Januari 2021, di premis-premis perniagaan di Daerah Brunei dan Muara (DBM); Daerah Belait; dan Daerah Tutong.

Operasi 'Merati' tersebut dijalankan di premis-premis perniagaan, DBM, di kawasan Kiulap; Bengkurong Masin; Batu Satu; Mata-Mata; Daerah Belait, di Kampung Lumut; Daerah Tutong di Kampung Panchor Dulit.

Operasi 'Merati' berkenaan melibatkan Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 56 premis perniagaan diperiksa. Hasil daripada operasi yang dijalankan mendapati bahawa tujuh premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND1,450.

Antara kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah seperti, pengendali dan penyedia makanan premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*). Manakala, kakitangan di premis-premis tukang gunting rambut dan premis-premis Establismen kecantikan dan kesihatan juga didapati tidak memakai sungkup muka (*face mask*); dan tiada Kod QR BruHealth.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Pengurus perniagaan hendaklah memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka (*face mask*); dan melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing.

Mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka, mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan; dan menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka.

Selain itu, mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan, terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel ke health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.



ISB, Seria kini mempunyai seramai 168 pelajar, dari umur 2 tahun hingga murid Tahun 6.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pendidikan Anak-Anak Tanggungjawab Ibu Bapa'. Tarikh Tutup : 20 Januari 2021
2. 'Meningkatkan Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 27 Januari 2021
3. 'Bahaya Penyebaran Berita Palsu'. Tarikh Tutup : 3 Februari 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Hengyi sumbang USD3.5 bilion pada pertumbuhan KDNK NBD 2020



JERUDONG, Khamis, 14 Januari. - Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) berjaya mengeksport lebih daripada 6.38 juta ton produk petroleum dan 1.7 juta ton produk petrokimia, seterusnya mencapai hasil penjualan sebanyak USD3.5 bilion tahun lalu, secara langsung menyumbang pada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar

KETUA Pegawai Eksekutif Hengyi, Chen Lian Cai semasa menyampaikan ucapan pada Hengyi Industries Media Appreciation Day.

(KDNK) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Tahun 2020.

Menurut perangkaan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) dan statistik perdagangan dalaman Hengyi, bermula Januari hingga September, nilai pengeluaran Hengyi menyumbang kepada 4.48 peratus daripada jumlah KDNK NBD, dan 50.57 peratus daripada jumlah perdagangan Brunei, di mana eksport menyumbang hingga 44.6 peratus dan import sebanyak 59.27 peratus daripada angka nasional.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi, Chen Lian Cai semasa menyampaikan ucapannya, pada Hengyi Industries Media Appreciation Day, yang berlangsung di Restoran Pondok Sari Wangi, Jerudong Park, di sini. Beliau seterusnya menjelaskan, Hengyi juga mencapai beberapa tonggak pencapaian yang baharu pada tahun 2020.

"Hengyi mengadakan perjanjian komersial bersama Syarikat Brunei Shell Marketing sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk membekalkan produk bahan bakar di pasaran tempatan.

"Bermula dari Mei hingga Disember 2020, Hengyi telah membekalkan ke pasaran tempatan sejumlah 283 ribu tan produk bahan bakar.

"Saya dengan senang hati mengatakan bahawa dengan tonggak pencapaian yang baharu ini, kami dapat membantu menyumbang kepada kepelbagaian industri hiliran negara, dan membuat kemajuan yang signifikan dalam membantu negara merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan lestari," jelasnya.

Chen Lian Cai, seterusnya menjelaskan, bahawa Hengyi akan terus komited untuk mengambil pekerja tempatan dan kami juga membuat kemajuan dalam mendukung 'Bruneianisation Directive'.

Pada masa ini, Hengyi telah menggaji seramai 675 kakitangan tempatan, iaitu sebanyak 40

**Berita dan Foto :
Pg. Sy'aruddin Pg. Daudin**

peratus pada tahun pertama operasi, dan Hengyi, seterusnya berhasrat untuk meningkatkan usaha pengambilan pekerja tempatan setiap tahun, ujarnya.

Hengyi juga memberikan peluang kepada pekerja tempatan untuk mengembangkan kemahiran mereka dengan pelbagai program latihan dan mendorong kakitangan berpengalaman untuk berkongsi pengetahuan mereka, tambahnya.

"Komitmen kami untuk menyokong pertumbuhan ekonomi NBD dan kami telah membuat kemajuan yang signifikan dalam meningkatkan nilai dalam negara atau pengembangan ICV (In-Country Value) dengan membuka lebih banyak peluang bersama peniaga tempatan.

"Secara keseluruhannya, kami bekerjasama bersama 87 peniaga tempatan dan mencipta sejumlah 1,500 peluang pekerjaan secara tidak langsung, sama ada dalam perkhidmatan kejuruteraan, seperti bahan kimia, pembinaan, penambatan dan perintis, pemeriksaan komersial; atau dalam sektor logistik, seperti keselamatan, penerbangan sewaan, katering, pengangkutan, penyewaan apartmen, pembersihan; atau dalam bidang, seperti perkhidmatan pembiayaan," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi lagi.

Melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility), beliau, seterusnya menjelaskan, bahawa Hengyi turut memberikan beberapa sumbangan positif kepada para belia, masyarakat dan persekitaran Brunei. "Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bakat belia tempatan, kami mengadakan Program Biasiswa melalui kerjasama di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Zhejiang University; juga Institut Pendidikan Teknikal Brunei

(IBTE) dan Politeknik Petrokimia Lanzhou, China.

"Secara keseluruhan, Hengyi menghantar seramai 203 pelajar Brunei untuk melanjutkan pelajaran mereka di China dalam bidang Kejuruteraan Petrokimia. Pada tahun 2020, kami melancarkan kolaborasi baharu bersama Politeknik Brunei, dan kami juga sedang berbincang bersama universiti tempatan dan sekolah teknik lain untuk membuat program biasiswa baharu," ujarnya. Beliau, seterusnya berkata, menghadapi wabak COVID-19, Hengyi secara aktif telah menyokong masyarakat setempat untuk saling membantu mengatasi pada waktu yang sukar ini dan pada tahun 2020, Zhejiang Hengyi Group memimpin untuk menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memerangi wabak tersebut dengan menyumbangkan sebanyak USD1 Juta kepada Kementerian Kesihatan.

"Kami juga melakukan usaha sumbangan tahunan untuk menyediakan keperluan asas kepada keluarga yang kurang bernasib baik pada bulan Ramadan.

"Mengenai sumbangan Hengyi untuk perlindungan alam sekitar, kami melakukan dua projek penghutan pada tahun 2020 dan berharap untuk menanam lebih banyak anak pokok secara berkala. Kami juga mengenal pasti dan memindahkan spesies *seagrass* yang terdedah dari Pulau Muara Besar ke Pulau Bedukang untuk membantu melindungi keanekaragaman dan persekitaran semula jadi negara," tambahnya.

Atur cara seterusnya diikuti dengan Chen Lian Cai menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada jempunan media yang hadir.

Juga hadir, ahli-ahli media daripada Radio Televisyen Brunei (RTB); Jabatan Penerangan juga media-media swasta lainnya.



Sebagai Majikan, Awda perlu:

1

AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2

GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3

NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

4

LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5

PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

 123 www.moh.gov.bn



KETUA Pegawai Eksekutif Hengyi pada sesi bergambar ramai bersama para media yang diraikan pada Hengyi Industries Media Appreciation Day berkenaan.

BKN tahan 5 lelaki

Siaran Akhbar dan Foto :
Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) menjalankan satu operasi serbuan di Kampung Birau, Tutong, baru-baru ini, di mana seramai lima lelaki ditahan kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti

penyalahgunaan dadah. Hasil pemeriksaan menemukan beberapa paket straw yang berisi pecahan dan ketulan hablur, dipercayai dadah jenis syabu seberat 2.97 gram juga sejumlah wang hasil daripada kegiatan dadah sebanyak BND301,

dipercayai hasil daripada aktiviti penjualan dadah berkenaan.

Tangkapan berkenaan masih dalam siasatan di bawah kesalahan seperti berikut, iaitu Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram membawa kepada hukuman gantung hingga mati; Seksyen 6(a) APD Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal; Seksyen 6(b) APD Penggal 27, iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal; dan Seksyen 7 APD Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki alat perkakas yang digunakan untuk memakan dadah terkawal.

Pemeriksaan lanjut di kawasan rumah tersebut berhasil menjumpai beberapa alat yang dipercayai senjata api buatan sendiri dan bagi siasatan lanjut ia diserahkan kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei bagi tindakan seterusnya.

Berikutan daripada operasi ini, BKN ingin mengingatkan bahawa pihaknya akan sentiasa meneruskan usaha bagi tindakan memberantas aktiviti-aktiviti pengedaran seperti ini.

Seterusnya BKN menasihatkan kepada orang ramai untuk



HASIL pemeriksaan menemukan beberapa paket straw yang berisi pecahan dan ketulan hablur, dipercayai dadah jenis syabu juga sejumlah wang hasil daripada kegiatan dadah sebanyak BND301 (bawah dan atas), sementara gambar bawah kiri, pemeriksaan lanjut di kawasan rumah berhasil menjumpai beberapa alat yang dipercayai senjata api buatan sendiri.



meningkatkan kewaspadaan dan melaporkan sebarang aktiviti perkumpulan yang mencurigakan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Usaha menjaga keamanan dan keharmonian negara ini akan lebih berjaya dengan adanya bantuan dan sokongan daripada penglibatan juga pemedulian orang awam.

Separuh jalan Kampung Bunut ditutup



PENUTUPAN separuh jalan di Kampung Bunut, Jalan Tutong berhadapan dengan Masjid Bunut mula dilaksanakan pada 18 Januari hingga pemasangan kalbat baharu dan kerja-kerja menaikkan paras jalan di kawasan berkenaan siap dilaksanakan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan separuh jalan di Kampung Bunut, Jalan

Tutong berhadapan dengan Masjid Bunut (rujuk peta).

Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada 18 Januari sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

Adalah diperlukan bagi memberi laluan kerja-kerja pemasangan kalbat baharu dan kerja-kerja menaikkan paras jalan di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk

sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR menerusi Talian Darussalam : 123 atau Livechat +673 8333123 atau Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

- demam
- batuk
- selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

- Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.
- Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.
- Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn

BIBD Impian, peluang menangi rumah



SIDANG Media berlangsung di Cawangan BIBD Kiulap bagi melancarkan kempen terbaharunya, iaitu BIBD Impian, di mana seorang pemenang bertuah akan memenangi sebuah rumah baharu jenis *semi-detached* dari BIBD.

KIULAP, Jumaat, 15 Januari. - (BIBD) melancarkan satu lagi Bank Islam Brunei Darussalam kempen terbaharunya iaitu BIBD

Impian, di mana seorang pemenang bertuah akan memenangi sebuah rumah baharu jenis *semi-detached* dari BIBD pada penghujung kempen yang diadakan selama setahun ini.

Melalui BIBD Impian, pelanggan ditawarkan dengan pelbagai ganjaran apabila mereka membuat transaksi dengan BIBD.

Ke arah memberikan peluang yang luas kepada pelanggan untuk menang, pelbagai produk dan perkhidmatan ditawarkan untuk masuk ke dalam cabutan bertuah kempen berkenaan.

Perkara tersebut diumumkan semasa Sidang Media yang berlangsung di BIBD, Cawangan Kiulap oleh Ketua Promosi dan Kempen, Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Awang Ahmad Firdaus bin Pehin Dato Haji Salim, Ketua Kejuruteraan Produk,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

Kumpulan Perbankan Runcit, BIBD, Wan Hefnie bin Haji Hamidon dan Timbalan Ketua Promosi, Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Georgene Lee.

Menurut Awang Ahmad Firdaus, kempen ini akan berjalan selama 12 bulan bermula 14 Januari 2021 hingga 13 Januari 2022 yang dibukakan bagi penyertaan dewasa dan kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah.

Sepanjang kempen tersebut jelasnya, mereka akan mengadakan penyampaian hadiah secara bulanan, suku tahun dan di penghujung kempen di mana setiap bulan BIBD akan memberikan hadiah kepada 10 orang dewasa dan 10 orang kanak-kanak dengan hadiah berjumlah hingga BND250 manakala bagi suku tahun pula, seramai lima orang pemenang bertuah akan memenangi cabutan bertuah yang berjumlah sehingga BND4,000.

Kempen kali ini juga adalah unik kerana para pelanggan akan dapat memilih hadiah pilihan mereka sendiri melalui laman media sosial BIBD nanti.

Hadiah utama jelasnya, merupakan sebuah rumah moden dengan tiga buah bilik yang dianggarkan berharga BND300,000.

Untuk layak ke dalam cabutan bertuah BIBD Impian, pelanggan

hanya perlu membuka akaun di BIBD sama ada membuka akaun bagi simpanan gaji atau permohonan produk pembiayaan kewangan di samping permohonan kad kredit atau mana-mana transaksi kad kredit.

Pelanggan juga boleh membuka akaun bersama dengan anak-anak mereka, untuk membantu mereka mempelajari kemahiran mengurus wang dan membuka jalan untuk masa depan dengan kewangan yang stabil.

Sementara itu, Wan Hefnie berkata bahawa Kempen BIBD Impian adalah sebahagian daripada usaha BIBD untuk memberi penghargaan kepada pelanggan atas sokongan dan kesetiaan mereka, di samping memberi peluang kepada orang ramai untuk memenangi sebuah rumah moden.

Pada masa yang sama, BIBD berharap dapat mendukung aspirasi negara sebagai 'Partner in Progress', dan menyediakan peluang bagi warga Negara Brunei Darussalam untuk memiliki kediaman mereka sendiri.

Bagi mengetahui lebih lanjut serta terma dan syarat kempen bolehlah melayari laman sesawang BIBD di www.bibd.com.bn atau menghubungi Pusat Talian Pelanggan BIBD di +673 2238181.

Baiduri Bank menangi 2 anugerah

Siaran Akhbar dan Foto : Baiduri Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Bank Baiduri memulakan Tahun Baharu dengan meraih dua anugerah sekali gus memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai bank konvensional terkemuka di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bank Baiduri diperakui sebagai Best Banking Group for 2021 dan Best in Corporate Governance & CSR oleh International Investor, sebuah penerbitan dalam talian yang berpusat di London dan menyediakan pandangan, berita dan maklumat visual mengenai pelbagai topik daripada pasaran dunia, peluang pelaburan, analisis industri dan banyak lagi.

Mengulas mengenai kemenangan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui berkata bahawa pengiktirafan dari International Investor ini sejajar dengan visi bank untuk menjadi rakan kewangan terkemuka dan pilihan di NBD di samping itu komitmen pihak bank untuk memperkaya, melibatkan dan berkhidmat untuk memperkasa komuniti.

Beliau juga menjelaskan bahawa dengan perubahan yang signifikan khususnya dalam persekitaran peraturan dan pasaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini serta perubahan yang lebih banyak pada masa yang akan datang, pihak bank mengemaskinikan struktur organisasi supaya lebih fokus dalam bidang-bidang utama seperti tadbir urus korporat dan *risk management*, meningkatkan kebertanggungjawaban dan memperkuat kemampuan bank dalam mencapai matlamat strategik.

Dalam kedudukan yang lebih baik untuk pertumbuhan mampan di samping memberikan pengalaman lebih baik kepada pelanggan, Bank Baiduri memulakan pelbagai inisiatif seperti mengembangkan platform perbankan digital.

Bank Baiduri juga banyak melabur dalam pengembangan dan kesejahteraan pekerjanya, melalui usaha digitalisasi tenaga manusia, perkongsian dengan penyedia penyelesaian pembelajaran antarabangsa dan yang baharu dilancarkan antaranya 'Employee Wellness Initiative'.

Bank Baiduri juga memiliki sejumlah inisiatif sosial, ekonomi dan alam sekitar. Antaranya termasuk acara Golf Tahunan Baiduri Masters, bagi mengutip dana untuk membantu Orang Kurang Upaya (OKU), kempen semasa bulan Ramadan untuk golongan kurang berkemampuan serta Cabaran Pelaburan Modal Baiduri (Baiduri Capital Investment Challenge), iaitu cabaran enam bulan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap pelaburan, perkhidmatan modal pasaran dan perdagangan sekuriti dan dalam masa yang sama meningkatkan celik pelaburan khususnya dalam kalangan belia dan masyarakat umum.

International Investor merupakan jurnal dalam talian dan bercetak yang menyediakan maklumat melalui berita semasa dan artikel dengan maklumat visual melalui pelbagai topik dari pasaran dunia, analisis industri, trend terbuka, peluang pelaburan dan wawancara peringkat *c-suite*.

Pelanggannya termasuk pelabur institusi, *family offices*, bank swasta, Ketua Pegawai Eksekutif dan COOs syarikat global dengan tujuan untuk mengembangkan kandungan terbaik untuk komuniti pelaburan global.



DARI MAHKAMAH

6 warga tempatan dilanjutkan reman

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Januari. - Enam warga tempatan yang terlibat dalam aktiviti dadah semasa Operasi Musang King yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dilanjutkan tahanan reman kelmarin, 14 Januari 2021.

Perbicaraan ke atas Jakaria bin Ahad (Defendan Pertama - D1); Siti Izzul Munirah binti Ahmad (Defendan Kedua - D2); Mohammad Isamuddin bin Ahmad (Defendan Ketiga - D3); Nurul Nazirah binti Awang Marzuki (Defendan Keempat - D4); Ahmad bin Haji Tamit (Defendan Kelima - D5); dan Maskunah binti Wahab (Defendan Keenam - D6) dijalankan menerusi *video conference* di Mahkamah Majistret.

Keenam-enam mereka didakwa di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram, yang membawa kepada hukuman gantung hingga mati.

D1 dan D2 turut didakwa di bawah Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012, iaitu atas Kesalahan Membersihkan Wang Haram, yang boleh membawa denda tidak melebihi BND500,000 dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Dalam pada itu, Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Mohd. Yusof menetapkan sebutan semula kes bagi kesemua defendan diadakan lagi pada 27 Januari 2021, jam 2.00 petang.

Pendakwaan tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman, sementara Roy Prabhakaran mewakili bagi pihak defendan.

Peluang terokai keindahan Sungai Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Ihsan Tambang.bn

TUTONG, Rabu, 13 Januari. - Tambang.bn, sebuah projek di bawah Program 3K mewakili Mukim Pekan Tutong, di mana Program 3K tersebut bermaksud keusahawanan, kemasyarakatan dan kepimpinan serta dikendalikan oleh Jabatan Daerah Tutong.

Selain itu, Tambang.bn merupakan sebuah perkhidmatan perahu tambang yang bertujuan untuk menelusuri Sungai Tutong.

Tambang.bn menawarkan beberapa pakej perkhidmatan seperti melawat pulau-pulau di sepanjang Sungai Tutong dengan harga yang berpatutan.

Di samping itu, Tambang.bn menawarkan Pakej Pelayaran Cara Brunei (Cruising the Bruneian Way) iaitu Set Lawatan ke Pulau (pelajari kisah-kisah Pulau

Tutong), Set Komuniti (pelajari adat Tutong), Set Memancing (tangkap ikan) dan Set Alam Semula Jadi (nikmati keindahan alam).

Menerusi Set Lawatan ke Pulau, pakej ini menawarkan lawatan ke Pulau Bakuku dan Pulau Selawat, di mana sepanjang lawatan para penumpang atau pelanggan akan mendengar cerita kisah-kisah pulau berkenaan di Daerah Tutong dan menerangkan mengenai cerita-cerita lama Puak Tutong seperti cerita Si Untak dan sebagainya.

Manakala Set Komuniti pula menawarkan pakej pelancongan dalam mempelajari adat masyarakat Tutong iaitu dengan membuat kolaborasi bersama dengan Lamin Warisan.

Seterusnya, Pakej Set Memancing iaitu pakej yang menawarkan kepada pelanggan untuk menangkap ikan di kawasan perairan Sungai Tutong.

Manakala bagi Pakej Set Alam Semula Jadi, ia menawarkan kepada orang ramai untuk menikmati keindahan alam sekitar di sepanjang perjalanan menelusuri Sungai Tutong yang masih kaya dengan flora dan faunanya seperti bakau-bakau dan banyak lagi.

Setiap pakej-pakej tersebut dikenakan BND15 setiap seorang dan untuk keselamatan para penumpang, jaket keselamatan juga turut disediakan sepanjang pelayaran.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi terus menerusi talian +673 7128712 atau melayari laman media sosial di Facebook @Tambang.bn dan Instagram @Tambang.bn atau e-mel ke tambang.bn@gmail.com.



Pameran Lukisan Twenty21 bermula 17 Januari ini

Oleh : Aimi Sani
Infografik : Ihsan Mabohai Shopping Complex

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Pameran Lukisan Twenty21 (Twenty21 Art Exhibition) akan diadakan selama 15 hari bermula 17 Januari hingga 31 Januari 2021 bertempat di Tingkat 1, Mabohai Shopping Complex.

Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee bin Pengiran Ahmad, artis legenda juga dijangka akan

hadir bagi merasmikan pameran tersebut.

Seramai 20 artis seni lukis tempatan dan seorang artis legenda akan turut serta dalam pameran tersebut iaitu Selinna Asmalee, Miqdame, Solidezter, Elena PGT, Ainan, Faizal, Armacester, Marol, Murasedi, Mao, Mardhi Hamid, Smooi, Mik, Muwadesu, Afifah Ilyana, Smooi, Mik, Muwadesu, Afifah Ilyana, Syaz, DirahMS, Moka

Chino, Zahidi BK dan Dayah Salim.

Di samping itu, turut diadakan ialah *pop up sale* Art Weekend selama dua hari di mana para peniaga yang mengusahakan penjualan bekalan seni, barang-barang alat tulis, makanan dan juga minuman, kraf dan perhiasan buatan tangan adalah dialu-alukan ikut serta dalam Art Weekend tersebut dan bagi yang berminat, boleh berhubung terus melalui talian +673 8672855 atau +673 7250110.

Pelbagai hadiah menarik menanti kaki joran

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Game Master.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Para pencinta aktiviti memancing kini berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik dengan menyertai Cabaran Joran Ke-4 Kolam Miaji yang akan diadakan pada 17 Januari 2021 ini.

Dianjurkan oleh Game Master.bn dengan sokongan Kolam Pancing Miaji, penyertaan ini dibukakan terhad kepada 40 orang peserta sahaja dan dibukakan kepada semua peringkat umur.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan pada Cabaran Joran kali ini iaitu Kategori Ikan Terpentas, Kategori Ikan Talapia Terberat dan Kategori Ikan Terberat (Kecuali Talapia).

Pendaftaran pada hari tersebut akan bermula jam 1.30 petang dan pertandingan akan dimulakan bermula jam 2.30 hingga 5.00 petang di Taman Miaji, Simpang 1280, Kampung Tanjung Bunut, Jalan Tutong.

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut dan membuat pendaftaran awal bolehlah menghubungi talian WhatsApp +673 8622325.



PARA pencinta aktiviti memancing berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik dengan menyertai Cabaran Joran Ke-4 Kolam Miaji yang akan diadakan pada 17 Januari 2021.



Jangan alpa, leka tanggungjawab sosial semasa COVID-19



Jangkitan Virus 2019-nCoV apa yang awda perlu tahu

“saya baru pulang dari kawasan yang terjejas dan merasa tidak sihat! apa yang patut saya buat?”

- dapatkan rawatan perubatan dengan segera
- tutup mulut dan hidung semasa batuk /bersin
- berehat di rumah
- kerap membasuh tangan dengan sabun

tanda-tanda biasa:

- demam
- batuk
- kesukaran bernafas
- cirit-birit
- gejala saluran cerna (perut & usus)

kes-kes yang teruk boleh menyebabkan:

- jangkitan paru-paru yang teruk
- dirawat dalam penjagaan intensif
- kegagalan organ
- kematian

AMARAN
Virus 2019-nCoV berpotensi untuk menyebabkan kematian dan pada masa ini, tidak ada vaksin untuk menentangnya. Sila rujuk pakar kesihatan awda jika bimbang tentang simptom yang dialami.

www.moh.gov.bn

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi
Infografik : Ihsan
Kementerian Kesihatan

kepatuhan dan tanggungjawab sosial seluruh rakyat dan penduduk di negara ini melalui pendekatan bersepadu Whole of Nation Approach.

Dalam melalui hari-hari tanpa jangkitan tempatan, kita janganlah alpa dan leka dengan tanggungjawab sosial, iaitu dengan sentiasa memastikan amalan norma-norma baharu terus dipraktikkan di mana juga kita berada, antaranya dengan menjaga kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan dan mengamalkan penjarakan sosial semasa berada di tempat awam serta memakai sungkup muka.

Di samping itu, amalan berdoa yang telah menjadi sebahagian daripada cara hidup orang-orang Brunei *kitani* hendaklah terus diamalkan juga penggunaan aplikasi mudah alih BruHealth untuk terus digunakan dalam memudah cara pihak berkuasa untuk mengesan kontak sekiranya diperlukan.

Dalam pada itu, kita di bawah bumi Brunei ini sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya harus sentiasa berwaspada dan peka mengenai wujudnya varian baharu mutasi Strain COVID-19 B.1.1.7 yang mula dikesan di tenggara England, United Kingdom pada penghujung tahun 2020 lalu, di mana didapati gejala tersebut boleh menular dengan mudah dan cepat.

Menurut sumber media massa luar negara lagi, varian tersebut telah mula dikesan melalui saringan awal di pintu-pintu masuk di beberapa buah negara, termasuk Malaysia dan Thailand.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini telah mencatatkan sifar jangkitan tempatan COVID-19 sejak lebih dari 250 hari dengan kes terakhir tempatan telah direkodkan pada 6

Mei 2020 lalu. Sejak detik itu, NBD berjaya membendung penularan wabak yang dahsyat tersebut menerusi kerjasama padu petugas barisan hadapan (*frontliners*) dan sukarelawan serta kerjasama agensi-agensi lainnya, di samping

Nikmati keindahan alam melalui Temburong Day Trip River Safari



TEMBURONG DAY TRIP RIVER SAFARI

BND 100
BBQ Lunch at Sg Temburong
OR
BND 130
BBQ Lunch at Sg Mutong
minimum 15 pax

دارالسلام سرويسيس
DARUSSALAM SERVICES
A subsidiary of Darussalam Holdings

8988505 www.darussalam.com.bn
2238160/61 darussalamtraveltours

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Infografik : Ihsan Darussalam Travel and Tours

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Lebih 70 peratus tanah di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih diliputi hutan asli, di mana NBD merupakan salah satu destinasi terbaik untuk industri ekopelancongan, bukan hanya untuk pelancong dari luar negara, malah untuk pelancong tempatan.

Sehubungan itu, Pelancongan dan Pengembaraan Darussalam (Darussalam Travel & Tours), iaitu sebuah anak syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad memperkenalkan pakej pengembaraan Temburong Day Trip River Safari yang akan diadakan pada 31 Januari 2021. Pakej tersebut akan bermula dari Bandar Seri Begawan (BSB) menuju ke Daerah Temburong dan seterusnya ke Sumbiling Eco Village (SEV) untuk aktiviti River Safari. Peserta pakej akan dapat menikmati Daerah Temburong yang terkenal dengan hutan hujan asli dan keunikan flora dan faunanya di SEV dengan bantuan daripada komuniti dan penduduk tempatan yang berpengalaman dan berpengetahuan serta pasukan yang berpengalaman lebih dari 10 tahun.

Antara aktiviti sungai yang disediakan dalam pakej tersebut ialah menangkap ketam dengan tangan kosong dan menangkap ikan menggunakan kaedah tradisional. Makanan tengah hari merupakan menu tempatan yang akan dihidang dan dinikmati di tepi sungai, sama ada pakej Sungai Temburong atau Sungai Mutong. Para peserta juga berpeluang untuk berenang atau bersantai menikmati keindahan sungai di SEV, ataupun mencuba untuk memancing menggunakan pancing tradisional. Namun aktiviti sungai adalah tertakluk kepada paras air dan keadaan cuaca. Pakej bernilai BND100 untuk Sungai Temburong atau BND130 untuk Sungai Mutong tersebut termasuk pengangkutan pergi dan balik menggunakan bas pelancong dari BSB ke Temburong, dengan pemandu pelancong berbahasa Melayu dan Inggeris juga pengangkutan Temuai menuju SEV.

Pakej juga termasuk aktiviti *river rafting*, sarapan dan makan tengah hari secara berkelah dan barbeku di tepi sungai. Kepada yang berminat untuk melancong di dalam negeri dan ingin mencuba perkara baharu, boleh menghubungi Darussalam Services menerusi talian WhatsApp +673 8988505 atau menghubungi +673 2238160 atau +673 2238161, selain melayari laman sosial Facebook dan Instagram, di @darussalamtraveltours.

Penguatkuasaan Building Control Regulations 2020 diperkenalkan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Kementerian Pembangunan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan peraturan baharu, iaitu Building Control (Composition of Offences) Regulations 2020, di bawah Perintah Kawalan Bangunan (Building Control Order), 2014.

Sejak 1 November 2015, Autoriti Kawalan Bangunan dan

Industri Pembinaan (ABCi) di bawah Kementerian Pembangunan adalah autoriti yang bertanggungjawab dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah Kawalan Bangunan dan Peraturan-peraturannya.

Undang-undang tersebut bertujuan untuk memastikan keselamatan pembinaan dan keselamatan juga kesihatan orang ramai melalui kawalan kemajuan Pembangunan di Negara Brunei Darussalam.

Bagi memastikan pematuan dan penguatkuasaan yang lebih efisien, Perintah Kawalan Bangunan 2014 memberi kuasa kepada ABCi untuk mengenakan kompaun kepada Orang yang Berkelayakan (iaitu Arkitek atau

Juruter Profesional - Qualified Persons), syarikat pembina atau pemaju tanah atau rumah, termasuk pemilik tanah jika didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang tersenarai di bawah Building Control (Composition of Offences) Regulations, 2020.

Peraturan kompaun ini juga memberi kuasa kepada ABCi untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan di bawah Building Control (Advertisement, Billboard and Signboard) Regulations 2016 jika pihak-pihak, seperti syarikat pengiklanan, mana-mana orang atau syarikat yang mempromosi iklan tidak mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada ABCi sebelum memasang struktur dan

memaparkan iklan, papan iklan atau papan tanda di Negara Brunei Darussalam.

Ini, termasuk papan-papan tanda perniagaan, papan-papan dan kain rentang iklan, promosi jualan dan sebarang kain rentang acara-acara keraian juga tanda-tanda menunjukkan arah yang kadangkalanya ditinggalkan sahaja dan menjadi pandangan yang kurang elok di tempat awam dan boleh membahayakan pengguna-pengguna jalan raya juga orang awam.

Jumlah kompaun yang boleh dikenakan bagi ketidakpatuhan Perintah dan Peraturan Kawalan Bangunan tidak akan melebihi BND5,000.

Dengan adanya Building Control (Composition of Offences) Regulation 2020 ini, Kementerian

Pembangunan yakin ia akan meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuan undang-undang pembinaan dan keselamatan di dalam industri pembinaan juga akan menghindar orang ramai daripada membangun atau meletakkan struktur yang boleh menjejaskan, sama ada keselamatan orang awam atau harta benda di sekeliling kawasan yang dimajukan.

Building Control (Composition of Offences) Regulations, 2020 adalah berkuat kuasa secara kebelakangan mulai 1 Jun 2020.

Senarai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan kompaun atau sebarang maklumat lanjut bolehlah diperoleh dengan melayari laman sesawang www.abci.gov.bn.

Ketahui beberapa langkah berjaga-jaga semasa berenang



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Berenang adalah sukan rekreasi yang menyenangkan dan boleh dinikmati oleh semua individu pelbagai peringkat umur, namun apa yang penting setiap individu itu perlu juga penting untuk mengetahui langkah-langkah keselamatan semasa berada di air.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama Jurulatih Sukan Renang, Awang Harjimmy bin Zainal mengenai langkah-langkah berjaga semasa berenang, beliau menjelaskan, para perenang perlu sentiasa ambil tahu tempat mereka akan berenang dan

mengetahui kedalaman kolam renang di setiap sudut kolam kerana di antara dua hujung kolam mungkin berbeza.

Selain itu, tambahnya, sentiasa menggunakan pelampung jika tidak mahir atau tidak pandai berenang, dan pastikan berenang di kawasan yang selamat juga mengetahui kedalaman air semasa melakukan aktiviti.

"Kita juga harus tahu keadaan tempat air, elakkan pergi ke tempat terlalu dalam, air yang terlalu sejuk; dan mempunyai benda-benda berbahaya yang boleh menyebabkan kecederaan, seperti kaca, tin yang berkarat dan lain-lain semasa di pantai,"

terangnya lagi.

Ketika berada di pantai atau sungai, menurutnya, pastikan sentiasa membawa atau memakai jaket keselamatan dan elakkan daripada berenang berseorangan juga pastikan untuk melihat tanda-tanda notis dan tanda bendera, di mana kawasan-kawasan yang tidak selamat untuk berenang.

Menyentuh mengenai persediaan diri secara fizikal sebelum melakukan aktiviti sukan air, Awang Harjimmy menjelaskan, mereka harus membuat aktiviti pemanasan badan *dryland excise* dan mengelakkan makan terlalu banyak sebelum membuat aktiviti sukan air.

Apabila kaki si perenang berasa kebas-kebas semasa berenang, beliau menyarankan agar mereka menjangkau sampingan sekiranya berlaku di kolam renang, seperti *lane line* atau terus ke tepi dinding yang berdekatan.

Sekiranya terjadi di tempat terbuka pula, katanya, mereka perlu melancarkan dari perut ke posisi bahagian belakang dan harus cuba menarik kaki dengan kaki yang dikongkong ke atas diri sendiri, selain itu, perenang juga disaran untuk menjerit bagi meminta pertolongan di kawasan tersebut supaya orang akan nampak mereka. Beliau, seterusnya menyarankan, agar para perenang tidak panik dan bertenang sekiranya kejadian arus deras berlaku, di samping itu,

untuk tidak melawan arus ketika terseret oleh arus.

Langkah yang tepat, jelasnya, adalah dengan mengikut arus kemudian berenang ke tepi yang berdekatan untuk sampai ke tempat untuk berpaut.

Beliau, seterusnya menjelaskan, antara langkah menyelamatkan yang disarankan kepada orang awam jika berdepan dengan situasi menyelamatkan orang hampir lemas, iaitu langkah pertama ialah si penyelamat mestilah menjerit untuk menarik perhatian orang lain di sekeliling persekitaran mereka.

"Jangan panik saat melihat kejadian tersebut, lihat sekeliling untuk mencari alat yang dapat membantu, cubalah memanggil dan menenangkan mangsa berkali-kali bagi mengelakkan dari tenggelam ke dalam air," ujarnya lagi. Beliau seterusnya menyarankan orang ramai agar mereka mengetahui serba sedikit tentang pertolongan *Cardiopulmonary resuscitation (CPR)* bagi menyelamatkan mangsa sebelum paramedik sampai untuk membawa mangsa ke hospital.



GAMBAR Hiasan ... Ketika berada di pantai atau sungai, pastikan sentiasa membawa atau memakai jaket keselamatan dan elakkan daripada berenang berseorangan juga pastikan untuk melihat tanda-tanda notis dan tanda bendera, di mana kawasan-kawasan yang tidak selamat untuk berenang (atas dan atas kiri).

Progresif melangkah setapak ke era digital, dinamik, mampan

Oleh : Dk Siti Redzaimi Pg Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PROGRESIF melancarkan pelan terbaharunya yang dikenali sebagai *OnePlan*, menawarkan sesuatu yang mudah, inovatif dan lain daripada apa yang ditawarkan dalam pasaran lain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Hari ini melangkah setapak ke hadapan dalam usahanya memberikan perkhidmatan terbaik buat para pelanggannya sejak penjenamaan semulanya pada 1 Februari 2020.

Bersamaan dengan penjenamaan semula tersebut, Progresif melancarkan pelan terbaharunya yang dikenali sebagai *OnePlan*, menawarkan sesuatu yang mudah, inovatif dan lain daripada apa yang ditawarkan dalam pasaran lain.

Tetapi malangnya sejak pandemik COVID-19 melanda negara ini pada 9 Mac 2020, ia

nyata memberikan kesan kepada Progresif kerana mereka memerlukan beberapa cara untuk mempromosi penjenamaan semula, termasuk pelan baharu yang diperkenalkan ketika itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar menyatakan demikian, ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, di Bangunan Ibu Pejabat Progresif di Gadong.

Menurutnya, Progresif pada masa ini, bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pakej bagi pengguna telefon bimbit, tetapi juga *home broadband*

memandangkan permintaannya yang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan penggunaan data dari telefon bimbit.

"Permintaan ini melambung naik semasa kerajaan mengumumkan para pelajar dimestikan belajar dari rumah secara dalam talian, ada juga yang bekerja secara dalam talian dan apa sahaja yang memerlukan penggunaan internet ketika itu.

"Walaupun kurang promosi ketika itu, kami mencari alternatif lain, iaitu dengan mempromosikan penjenamaan semula kami secara dalam talian dan alhamdulillah, semuanya berjalan dengan lancar dan baik walaupun respons dari orang ramai sedikit perlahan, tetapi kami berjaya melakukannya," jelasnya.

Menyentuh mengenai dengan transformasi, di mana semua syarikat telekomunikasi di negara ini disatukan di bawah satu bumbung, iaitu *Unified National Network Sdn. Bhd. (UNN)*, Dayang Hajah Nurul Haniah menjelaskan, cabaran memang agak sengit memandangkan semua syarikat telekomunikasi mempunyai produk yang sama.

Oleh itu, katanya, Progresif perlu membuat inisiatif untuk membuat kelainan yang istimewa khusus bagi para pelanggan yang sedia ada dan orang ramai yang ingin mencuba untuk menggunakan perkhidmatan

Progresif.

Beliau juga percaya, di mana Progresif lebih daripada sebuah syarikat telekomunikasi kerana ia turut memainkan peranannya ke arah memacu visi dan Wawasan Negara 2035, di mana mereka bukan sahaja perlu menyumbang dalam ICT, tetapi juga menjadikan negara ini sebagai negara yang digital, dinamik dan mampan.

Tambahnya, apa yang menguatkan Progresif untuk terus maju ke hadapan selama ini ialah melakukan kemajuan untuk masyarakat, bukan sahaja dari segi industri telekomunikasi, tetapi juga dari pelbagai aspek termasuk menjadi platform para pengusaha kecil dan sederhana.

Selain itu ujanjarnya, Progresif juga turut menyokong sepenuhnya ke arah pendidikan di negara ini dan ia juga merupakan salah satu sasaran dalam visi juga misinya sebagai sebuah entiti korporat yang membantu negara mencapai Wawasan Brunei 2035, terutamanya bagi melahirkan individu yang berkemahiran tinggi dan berpendidikan.

"Pada 2019, Progresif telah melancarkan *Pledge for Progress* menerusi 1 peratus *Pledge*, di mana Progresif memberikan komitmen untuk memberikan 1 peratus kembali kepada masyarakat dalam bentuk monetari, bantuan atau kesukarelawanan yang berasaskan kepada idea, di mana jika semua



KETUA Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar semasa ditemu bual.

dilakukan walau dalam jumlah yang sedikit, namun ia akan bertambah dan boleh membawa kepada perkembangan yang menarik dalam komuniti.

"Ini adalah pencapaian satu lagi mercu tanda yang penting dalam inisiatif tanggungjawab sosial korporat Progresif untuk menyokong pendidikan menerusi penubuhan Progresif for Schools bersama-sama Kementerian Pendidikan untuk bekerjasama memajukan sekolah dengan matlamat untuk menyokong pelajar dan individu dengan tumpuan dalam membangunkan pembelajaran dan pengajaran mereka," tambahnya.

Ini merupakan kolaborasi jangka panjang untuk memacu impak positif dan pertumbuhan dalam komuniti.

BCIC pupuk kesedaran, tingkat minat pelaburan



PARA peserta ketika sesi bergambar ramai pada Taklimat dan Perasmian Cabaran Pelaburan Baiduri Capital (BCIC) 2021.

Siaran Akhbar dan Foto : Baiduri Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Baiduri Capital, baru-baru ini, merasmikan Cabaran Pelaburan Baiduri Capital (BCIC) 2021, semasa mengadakan taklimat untuk para peserta yang diadakan, di Ibu Pejabat Baiduri Bank.

BCIC merupakan inisiatif tahunan kendalikan oleh Baiduri Capital sebagai sebahagian daripada usaha bagi memupuk juga meningkatkan kesedaran mengenai pelaburan, perkhidmatan pasaran modal dan sekuriti tersenarai juga matlamat sokongan AMBD dalam meningkatkan celik pelaburan dalam kalangan orang ramai amnya.

Dalam BCIC, setiap pasukan

diberikan BND5,000 sebagai modal permulaan untuk melabur dalam mana-mana sekuriti yang disenaraikan di Bursa Singapura Stock (SGX); Bursa Saham Malaysia (BURSA); Bursa Saham Hong Kong (HKEx); China A-Shares (SSE-A); atau Bursa Saham AS (NYSE MKT LLC, NYSE dan NASDAQ). Keuntungan yang diperoleh pasukan dalam BCIC akan disimpan oleh pasukan tersebut.

Apa yang membezakan cabaran tahun ini daripada iterasi sebelumnya ialah pada tahun ini, 40 peserta, terdiri daripada alumni institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa yang pertama dalam empat tahun BCIC diadakan.

Pasukan ini, terdiri daripada para alumni Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Politeknik Brunei (PB); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Laksamana College of Business (LCB); juga para alumni dari University of Bath; dan University of Birmingham.

Ini menjadikan BCIC lebih mudah diakses, di samping menggalakkan gabungan pelbagai peserta dengan pelbagai tahap pengalaman pelaburan.

Semasa sesi tersebut, pasukan diberikan taklimat mengenai format cabaran dan setiap daripada mereka, diperkenalkan kepada mentor mereka daripada Baiduri Capital sebelum memulakan pelaburan mereka.

Ketua Pasukan 'Stonks', Siti Nur Syahmina binti Haji Zaini, graduan University of Birmingham, berharap cabaran ini menawarkan banyak peluang

belajar kepada pasukannya hingga membolehkan mereka membuat keputusan yang lebih tepat dalam berniaga dan melabur.

Beliau juga berkata, rakan sepasukannya dan dirinya sendiri mempunyai pengalaman peribadi dengan pelaburan, tetapi tidak mempunyai maklumat juga sumber daya yang diperlukan untuk belajar mengenai perkara-perkara, seperti penilaian risiko yang penting untuk membuat strategi pelaburan.

Sementara itu, Ketua Pasukan 'OneStock Co.', Muhammad Hasif bin Haji Awang Nordin, graduan UBD, menasaskan untuk mengambil peluang belajar sebanyak mungkin mengenai pelaburan daripada mentor dan bercita-cita untuk menjadi seorang pelabur.

"Saya dan rakan sepasukan, baru menamatkan pengajian dan berjaya mendapat pekerjaan, jadi rancangan kami dalam cabaran ini

adalah untuk mengambil kesempatan sepenuhnya daripada mentor dan aspek-aspek pembelajaran supaya selepas ini, kita juga boleh melabur untuk diri sendiri dan mengembangkan keuntungan kita," ujarnya.

Sepanjang enam bulan perjalanan pelaburan mereka, para pasukan akan diajar tentang kepentingan bagaimana melabur, dengan tujuan untuk menghuraikan kesalahfahaman bahawa pelaburan itu rumit, memakan masa dan tidak dapat diakses.

Pasukan akan mempunyai akses langsung kepada peniaga berlesen yang bertindak sebagai mentor mereka dalam membimbing mereka mengenai perniagaan dan pelaburan.

Sementara itu, Pengurus Besar Baiduri Capital, Peng Eng Soon berkata, tujuan BCIC adalah untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan minat terhadap pelaburan kewangan juga modal pasaran.

Jelasnya lagi, ini adalah tahun ke-4 bagi cabaran ini, di mana kali ini, kita mempunyai graduan institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa, yang sudah memiliki pengalaman peribadi dengan pelaburan.

"Saya harap pasukan tahun ini akan memperoleh wawasan dan pengalaman baharu dalam dunia pelaburan melalui perjalanan mereka dengan BCIC," tambahnya.

Ditubuhkan pada tahun 2015, Baiduri Capital adalah anak syarikat milik sepenuhnya Bank Baiduri, khusus dalam perdagangan dan pelaburan produk sekuriti.

Melalui portal perdagangan sekuriti dalam talian, berasaskan laman sesawang yang selamat, pertama di negara ini, para pelanggan boleh berdagang di SGX (Singapura); HKEx (Hong Kong); China A-Share; Bursa Malaysia; Bursa Saham New York (NYSE); NASDAQ; juga NYSE MKT LLC (AMEX).

Selain perdagangan sekuriti, Baiduri Capital menawarkan Unit Amanah, Exchanged Traded Fund (ETF), Bon dan pelan Investment Linked Life Insurance.

Pentingnya miliki insurans

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Dalam kehidupan yang sentiasa berubah dan tidak menentu, adalah penting bagi kita untuk melindungi diri sendiri dan keluarga daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan tidak dapat dielakkan.

Meskipun ramai yang sudah memahami kepentingan insurans, namun masih ada segelintir masyarakat yang tidak sedar bahawa insurans memainkan peranan penting dan memberi banyak kebaikan kepada mereka yang melanggannya.

"Kita tidak tahu bila musibah akan menimpa diri kerana malang tidak berbau. Tidak semestinya kita muda dan sihat tidak boleh diserang penyakit kronik atau kemalangan sehingga hilang upaya untuk meneruskan kelangsungan hidup termasuk mencari rezeki," jelas Dayang Nadiah binti Ibrahim, 31 tahun, seorang Life Insurance Planner di AIA Singapore Ptd. Limited (Cawangan Brunei) ketika

ditemu bual.

Menurut beliau, insurans nyawa adalah payung yang perlu ada pada semua orang. Seperti yang kita ketahui, hidup tidak selalu indah. Insurans nyawa memberikan diri kita *peace of mind*. Insurans nyawa sinonim dengan *income protection*. *Income protection* terhadap kejadian-kejadian yang tidak diduga seperti kematian, hilang upaya kekal, penyakit kritikal dan sebagainya.

Insurans nyawa ini, terangnya, sesuai untuk semua peringkat umur dan seharusnya ada dalam portfolio perancangan kewangan terutama sekali bagi ketua keluarga dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil.

Namun tambahnya, kepentingan insurans nyawa ini selalu dipandang ringan disebabkan oleh negara kita yang menyediakan perkhidmatan kesihatan secara percuma.

"Pemikiran tersebut perlu dihakis dan haruslah masyarakat kita bersedia memikirkan keadaan

yang tidak terduga seperti yang saya nyatakan di atas. Polisi insurans nyawa melindungi kewangan kitani apabila berlaku kematian. Pentingnya polisi insurans nyawa sebagai *debts management*".

"Kitani sebagai orang Islam terutamanya, wajib menyelesaikan hutang piutang di dunia apabila meninggal dunia. Jadi dengan adanya pampasan daripada polisi insurans nyawa pasti tidak akan membebankan keluarga yang ditinggalkan untuk menyelesaikan segala hutang piutang si mati dan juga mendapat sokongan kewangan tambahan dari duit pampasan sebagai sumber pendapatan untuk ahli keluarga yang ditinggalkan bagi menjalankan kehidupan yang mendatangi terutama sekali bagi yang masih mempunyai tanggungan anak-anak yang masih bersekolah," tegasnya.

Polisi insurans nyawa juga difahamkan sebagai *risk management*. Dan ia memberi perlindungan untuk cacat kekal / kurang upaya kekal.

Sekiranya berlaku kemalangan yang menjadikan awda menjadi

cacat kekal dan tidak dapat lagi bekerja mencari pendapatan, maka terputuslah sumber pendapatan.

Di sini polisi insurans nyawa akan mengeluarkan pampasan supaya abiskita tetap menerima pendapatan walaupun tidak bekerja dan masih dapat menjalankan kehidupan seharian tanpa perlu rasa bimbang tentang masalah kewangan.

Dayang Nadiah seterusnya menjelaskan bahawa perlindungan polisi insurans terhadap penyakit-penyakit kritikal, seperti kanser, kencing manis, penyakit jantung, kegagalan buah pinggang dan sebagainya, alhamdulillah negara kita masih memberi perkhidmatan kesihatan percuma untuk rakyat jelata.

Namun tidak salah kiranya jika kita mendapatkan perlindungan insurans kerana duit pampasan tersebut boleh digunakan sebagai pendapatan tambahan ketika terlantar di hospital.

Menurut beliau, sekurang-kurangnya dengan duit pampasan itu kita boleh membantu untuk membeli makanan tambahan (*supplement*), membeli barang-barang keperluan,



DAYANG Nadiah binti Ibrahim, seorang Life Insurance Planner di AIA Singapore Ptd. Limited (Cawangan Brunei) ketika ditemu bual.

mungkin mengupah jururawat peribadi dan membantu kewangan keluarga sepanjang terlantar di rumah sakit.

Oleh itu, beliau seterusnya menambah, kita tidak akan terbeban daripada segi kewangan dan boleh memfokuskan kepada pemulihan.

Dengan duit pampasan tersebut juga katanya, kita boleh memilih pusat-pusat hospital perubatan yang lebih canggih di negara luar tanpa perlu *mengacau* duit simpanan yang lain.

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



PSC.BN

+673 7371961 PSC.BN PSC.BN query@spa.gov.bn



JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

MAKLUMAN

Jabatan Penjara ingin memaklumkan bahawa tempat mengembalikan borang bagi tawaran Bilangan: JPB/7/2020 dengan tajuk: 'SUPPLY OF TWO UNIT 15 SEATER VAN LONG WHEEL BASE STANDARD ROOF 4-DOOR' adalah ditukar kepada BAHAGIAN KEWANGAN, BANGUNAN PENTADBIRAN PUSAT LATIHAN, JABATAN PENJARA, SIMPANG 111, KAMPONG BUKIT PANGGAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

JABATAN
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI RESEARCH CENTRE FOR
ISLAMIC HISTORY, ART AND
CULTURE (IRCICA) IN ISTANBUL,
TURKEY

JAWATAN
Director General of the Research Centre
for Islamic History, Art and Culture
(IRCICA) in Istanbul, Turkey

Tarikh Tutup : 24 JANUARI 2021

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah menghadapkan kepada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri melalui e-mel :
dio@mfa.gov.bn



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

JABATAN
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

JAWATAN - JAWATAN KOSONG
DI DEPARTMENT OF
INFORMATION TECHNOLOGY
AT THE OIC GENERAL
SECRETARIAT, JEDDAH,
SAUDI ARABIA

JAWATAN :
1. Senior Network Engineer
2. Program Manager

Tarikh Tutup : 20 JANUARI 2021

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah menghadapkan kepada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri melalui e-mel :
dio@mfa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PENGAWAS MCR [C.3-4 EB.5] 2020/0053/03	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI		7(A)	23 JANUARI 2021
02.	PENOLONG KANAK-KANAK CACAT TERLATIH [C.1-2 EB.3] 2020/0053/06	KEMENTERIAN KESIHATAN		7(A)	23 JANUARI 2021
03.	NAZIR KHAS [B.3] 2020/0053//11	JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN		38(B)	23 JANUARI 2021
04.	TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS [C.1-2 EB.3] 2020/0053/05	JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN		38(B)	23 JANUARI

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PROGRAM
HARAPAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 131 / 2020 / 2021
[BPPA - JAN - 2021]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN-KEPERLUAN
PEMAKANAN
(MAKAN TENGAH HARI) BAGI :
SEKOLAH RENDAH
MERANGKING,
DAERAH BELAIT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI KOD BLOK : PH/T3
BAGI TEMPOH LIMA (5) BULAN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak
dikembalikan]

TARIKH TUTUP TAWARAN :
16 JANUARI 2021
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN /
DOKUMEN SEBUT HARGA :
ISNIN hingga KHAMIS



8.00 PAGI hingga 11.45 PAGI
1.45 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

IKLAN JAWATAN KOSONG

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Am

a) PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7 (a)

Dibukakan kepada orang ramai

termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

1. JAWATAN : Penolong Pensyarah (PT1) / Pensyarah (PT1A)

2. BAHAGIAN : II

**3. TANGGA GAJI : PT1A
(BND3,190.00 - BND3,300.00 -
BND3,410.00 - BND3,520.00 -
BND3,640.00 - BND3,760.00 EB KHAS
BND3,880.00 - BND4,420.00)**

**4. KEKOSONGAN JAWATAN :
1 kekosongan**

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus PhD dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD).

ii. Benar-benar berminat untuk mengajar dan membuat penyelidikan.

iii. Berumur tidak melebihi 35 tahun adalah satu kelebihan

6. SYARAT-SYARAT LAIN :

i. Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

iii. Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah menghantar borang permohonan melalui Ketua Jabatan berserta dengan satu SOKONGAN LAPORAN SULIT mengenai pemohon, laporan PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN,

BORANG PENGESAHAN KETUA JABATAN DAN SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP DAN TERKINI

PEMBERITAHUAN

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : www.kupu-sb.edu.bn.

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB/P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

PENDAFTAR

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Telefon: (+673) 2236277
Faks: (+673) 2225226

Tarikh Tutup Iklan : 6 Februari 2021
Rujukan Iklan :
KUPU SB / PJW / 01 / 2021



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**KENYATAAN BAGI
MENDAPATKAN TAWARAN
SEBUT HARGA**

**BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 15 / UP**

**TAJUK SEBUT HARGA :
CUTTING DOWN TREES AND
DISPOSAL WORK AT MUNICIPAL
DEPARTMENT HOUSING KG.
SINARUBAL, BANDAR SERI
BEGAWAN, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
HARI KHAMIS, 21 JANUARI 2021
JAM 2.00 PETANG**



**KETERANGAN LANJUT BOLEH
DIPEROLEH DARI:
UNIT PEMULIHARAAN DAN
KENDERAAN
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN,
TINGKAT 1, SPG 594, JALAN
SUBOK,
BANGUNAN DEPOT BANDARAN,
BANDAR SERI BEGAWAN.**



JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2020 / SH-36

**KONTRAK DUA (2) TAHUN
PEMOTONGAN RUMPUT DAN
PEMBERSIHAN TAPAK
STESEN-STESEN KAJICUACA,
JABATAN KAJICUACA, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

Sebut Harga Bilangan :
JKBD / 2020 / SH-34

**TWO (2) YEARS TERM
CONTRACT FOR RODENT, PEST
AND SNAKE CONTROL FOR
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT HEADQUARTERS**



**B23 FLAT ANGGEREK DESA,
SWIPER AND METEOROLOGICAL
STATION AT
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

**BAYARAN TAWARAN :
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Rabu, 27 JANUARI 2021,
sebelum jam 2.00 Petang**



KEMENTERIAN TENAGA

**1. Bilangan Sebut Harga :
ME / SEBUTHARGA / 2020-2021 / 22**

**Tajuk Sebut Harga :
'(In-House) Leadership Development
Program for Heads of Divisions -
Conversational Coaching and
Motivation'**

**2. Bilangan Sebut Harga :
ME / SEBUTHARGA / 2020-2021 / 23**

**Tajuk Sebut Harga :
'(In-House) Prince2 and Change
Management Course'**

**3. Bilangan Sebut Harga :
ME / SEBUTHARGA / 2020-2021 / 21**

**Tajuk Sebut Harga :
'(In-House) Getting Things Done'**

Tarikh Tutup :



Sabtu, 10 Jamadilakhir 1442 /
23 Januari 2021
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**Bayaran Tawaran :
BND 5.00
(Tidak dikembalikan)**



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM**

**1. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 018 / 2020**

**NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN STESYEN
PENGEPAK AIR UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG**

**2. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 019 / 2020**

**NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA OPERASI
DI STESYEN PENGEPAK AIR
UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA**

**TARIKH TUTUP DILANJUTKAN:
2 FEBRUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG**





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

BILANGAN TAWARAN :
JKP / SH / 2020 - 2021 / 14
Tajuk Tawaran : TO DESIGN,
PROVIDE COPYWRITING AND
EDITORIAL, PRINTING AND
DELIVERY OF BRUNEI GUIDE
BOOKLET

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 28 Januari 2021
jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN :
JDB / BKPD / SH / 42 / 2020

TAJUK TAWARAN :
QUOTATION ON REPAIR &
MAINTENANCE WORK FOR
GANSET AT DEWAN
KAMPUNG SUKANG

YURAN TAWARAN :
BND 5.00

KATEGORI : (KPME03, M03 & E01)

BILANGAN TAWARAN :
JDB / BKPD / SH / 43 / 2020

TAJUK TAWARAN :



**QUOTATION FABRICATE, SUPPLY
AND INSTALL OF NEW
ALUMINIUM GLASS WINDOW
FOR PUBLIC TOILET, DEWAN
SANTAP KUALA BELAIT**

YURAN TAWARAN :
BND 5.00

KATEGORI : (KA01 & B01)

TARIKH TUTUP :
19 JANUARI 2021 (Selasa)



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**SEBUT HARGA
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (01-2021)

TAJUK SEBUT HARGA :
KERJA-KERJA MEMBEKAL,
MEMASANG DAN
MENGUBAHSUAI (RENOVATION)
STOR LATIHAN DI BANGUNAN
KEM LATIHAN OUTWARD BOUND



**BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
BATANG DURI, TEMBURONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP :
tidak lewat dari Jam 2.00 petang
pada 21 Januari 2021 (Khamis)



**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN SEBUT HARGA
JSS / SH (PB) / SRM / 29 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR DAN MEMASANG
PERALATAN SEKOLAH (MEJA
DAN KURSI GURU) KE SEKOLAH
RENDAH MULAUT, KLUSTER 3,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut
harga tidak dikembalikan]



Tarikh dibukakan :
06 JANUARI 2021

Tarikh tutup :
20 JANUARI 2021,
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
UBD / E8 / 022 / 2020

KETERANGAN TAWARAN :

**DESIGN AND BUILD OF
EXPERIMENTATION BUILDING
FOR FACULTY OF SCIENCE,
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN**



(termasuk e-Dokumen) :
BND35.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Isnin, 25 Januari 2021,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN :
JPB / 7 / 2020

KETERANGAN :
SUPPLY OF TWO UNIT 15 SEATER
VAN LONG WHEEL BASE
STANDARD ROOF 4-DOOR

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
JPB / 8 / 2020

KETERANGAN :
TROUBLESHOOTING,
INSTALLATION AND
CONFIGURATION OF VMS



**SERVER AT MARABURONG
PRISON**

YURAN TAWARAN :
BND5.00

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
Selasa, 19 JANUARI 2021
(tidak lewat dari Jam 2.00 petang)



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / ASSET / BUUMM /
QTN / 2020 / 12 / 4

BAYARAN TAWARAN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)



TARIKH TUTUP TAWARAN :
tidak lewat dari, jam 2.00 Petang
pada Selasa, 19 Januari 2021



جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00
2019	\$7.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00
2019	\$5.50

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



Harga \$3.50



HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50
2018	\$13.50

BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Mac 2018	\$2.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50
Jun 2019	\$2.50
September 2019	\$2.50
Disember 2019	\$2.50

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00
2020	\$15.00

BRUNEI-MUARA DISTRICT



Harga \$4.00

BELAIT DISTRICT



TUTONG DISTRICT



Harga \$3.50

TEMBURONG DISTRICT



CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG, BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TUTONG, TA1314, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA, KB4333, DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI: KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH, BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Industri pelancongan melangkah ke arah pendigitalan komprehensif



PENGUNAAN platform media sosial dan aplikasi mudah alih berkaitan pelancongan akan menjadi saluran utama kita untuk memasuki pasaran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Negara Brunei Darussalam sedang mengorak langkah ke arah pendigitalan yang komprehensif bagi mengubah industri pelancongannya dengan inisiatif pelancongan pintar, sejajar dengan perkembangan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dengan mendukung seluruh spektrum pendigitalan, kita akan dapat menyediakan peralatan perlu bagi industri pelancongan yang dapat dihubungkan ke peringkat

antarabangsa, mengadakan analisis data rapi mengenai masa hadapan pelancongan dan meningkatkan rangkaian tawaran.

Sektor pendigitalan juga penting kerana kemajuan teknologi membawa pelanggan menggunakan peralatan boleh alih dan platform dalam talian untuk mendapatkan maklumat, susunan, buku juga merancang satu percutian yang menyeluruh.

Industri pelancongan menjadi

pemangkin kepada perlindungan alam sekitar, pemuliharaan dan pelestarian kebudayaan juga warisan tempatan dan perlu menerima trend penggunaan teknologi digital yang semakin meningkat dalam perjalanan pelancong dengan memanfaatkan sumber sektor awam - swasta.

Berganjak kepada penggunaan Internet dan pemasaran secara dalam talian dalam mempromosikan produk pelancongan di negara ini, langkah tersebut adalah sejajar dengan seruan kerajaan untuk membangunkan negara ini ke arah ekonomi digital.

Penggunaan platform media sosial dan aplikasi mudah alih berkaitan pelancongan akan menjadi saluran utama kita untuk memasuki pasaran.

Ini akan meningkatkan penglihatan dalam talian global dan membolehkan transaksi perniagaan dibuat tepat pada masanya.

Pelbagai aplikasi mudah alih untuk berhubung bersama semua platform media sosial, seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya menjadi pilihan sektor pelancongan untuk mengembangluaskan iklan-iklan dan tawaran-tawaran yang disediakan.

Ini menyediakan penyebaran

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin



PELBAGAI aplikasi mudah alih untuk berhubung bersama semua platform media sosial, seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya menjadi pilihan sektor pelancongan untuk mengembangluaskan iklan-iklan dan tawaran-tawaran yang disediakan.

maklumat yang lebih berkesan dan membolehkan data dikumpul juga dianalisis bagi perancangan masa depan.

Meskipun pemasaran digital

diguna secara meluas, ada masih sebahagian pihak yang masih menyediakan pemasaran secara bersemuka kerana ia masih relevan dalam industri pelancongan.

Operasi Langis : Warganegara asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Januari. - Satu Operasi Langis JIPK 06/2021 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bandar Seri Begawan (JIPK, BSB), di sebuah gerai menjual sayur, kawasan Kampung Tanah Jambu, Mukim Mentiri, baru-baru ini.

Hasil pemeriksaan, seorang lelaki, warganegara asing disiasat, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana

dipercayai melakukan kesalahan, di mana didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (3), iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam Pas Kerja yang dibenarkan.

Seorang lelaki, warganegara asing tersebut disiasat, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 dan tindakan selanjutnya. Jika sabit kesalahan, warganegara asing berkenaan akan dikenakan kompaun BND600, di bawah peruntukan Bab 58A. Manakala majikan juga akan

dikenakan kompaun BND600, di bawah peruntukan Bab 58A.

Sementara dalam Operasi Langis JIPK 07/2021 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan ke atas tiga buah rumah sewa, di Simpang 759, kawasan Kampung Tasek Meradun, Mukim Kilanas; Bilik-bilik Sewa Simpang 162, Jalan Delima Dua; dan Simpang 71, Kampung Delima Dua, Mukim Berakas 'A'.

Hasil pemeriksaan tersebut, seramai 43 warganegara asing diperiksa dan 10 warganegara asing ditahan juga dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, BSB untuk disiasat, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Tujuan operasi adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat juga kerjasama daripada orang ramai berpandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguatkuasa yang lain, selain menguatkuasakan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport dan memastikan ia dipatuhi juga dalam usaha mengesan pesalah imigresen.

Di samping itu, bagi menguatkuasakan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Antipemerdagangan Orang 2019 juga apa juga kegiatan yang bertentangan dengan Undang-Undang dan Peraturan di Negara Brunei Darussalam.



OPERASI Langis yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

Kongsi resipi makanan sihat



ANTARA Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong yang memeriahkan Program Memasak Mingguan berkenaan.

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan

TUTONG, Rabu, 13 Januari. - Seramai 31 orang Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong memeriahkan Program Memasak Mingguan yang diadakan di Bangunan PKWE baru-baru ini, di sini.

Antara tujuan program adalah untuk berkongsi resipi khususnya dalam kalangan ahli dengan mengutamakan makanan sihat di samping mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin sekian lama di bawah pengurusan baharu di pusat berkenaan.

Acara juga diteruskan dengan bacaan Doa Selamat serta Doa Tolak Bala memohon terhindar daripada bala bencana dan COVID-19 yang dipimpin oleh Pengurus PKWE Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin.

Menurut Pengurus PKWE Tutong, program tersebut merupakan salah satu program yang akan sering dibuat di pusat berkenaan sebagai salah satu pengisian program bagi ahli-ahli pusat tersebut.

Selain itu, ia juga memberikan pendedahan kepada Ahli-ahli PKWE untuk sentiasa mengamalkan makanan sihat sekali gus menjaga kesihatan dan mencegah daripada pelbagai penyakit.



Cloud Computing : Pangkalan data di awan

Oleh : Mohammad Hisyam Idris
Foto : Syahi Haji Ludin

DEFINISI Cloud Computing atau Pengkomputeran Awan adalah penggunaan teknologi komputer berasaskan internet. Cloud Computing ialah satu kaedah memanfaatkan perkomputeran sebagai satu perkhidmatan dan sumber maklumat yang disediakan dalam komputer atau peranti perhubungan (seperti iPhone, iPad, iPod, Android dan sebagainya) sebagai satu kemudahan penyimpanan dan perkongsian data melalui internet. Pengguna tidak bergantung kepada komputer tertentu sahaja atau tempat tertentu sahaja, sebaliknya boleh menggunakan mana-mana komputer atau peranti mudah alih lain asalkan terdapat sambungan internet.

Cloud Computing adalah proses di mana awda menggunakan internet sebagai tempat untuk menyimpan segala data peribadi sama ada dokumen, gambar, klip lagu, rakaman suara mahupun video. Proses Cloud Computing terhasil apabila pengguna memuat naik data-data ke laman *web* yang kemudiannya tersebut boleh dicapai dari tempat lain, laptop lain, komputer tablet atau dari mana-mana telefon bimbit dengan sambungan internet.

Infrastruktur paling lazim untuk menjelaskan konsep Cloud Computing ini adalah peralatan atau aplikasi berasaskan *web* yang boleh diakses pengguna

menerusi laman *web*. Aplikasi seperti Picasa dan Canva yang membolehkan pengguna menambah dan mengubah gambar menerusi *server*. Penyuntingan daripada Adobe Photoshop juga boleh dilakukan tanpa perlu *install* perisiannya. Kepelbagaian aplikasi-aplikasi lain mengikut kehendak pengguna seperti Windows Azure atau Google Apps yang menawarkan khidmat suntingan dokumen secara dalam talian.

Cloud Computing juga dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat terkemuka seperti Alibaba dan Amazon sebagai satu pangkalan data bagi pekerja membuat dan menyiapkan tugas tanpa perlu bersua muka atau berjumpa bersama satu dengan yang lain. Mereka juga menggunakan Cloud Computing sebagai pangkalan *back-up* data-data penting bagi menjimatkan kertas serta menjimatkan masa dan tenaga.

Apple memandang Cloud Computing sebagai satu proses yang mempunyai masa depannya tersendiri. Ini terbukti apabila Apple mencipta aplikasi iCloud untuk membolehkan aktiviti Cloud Computing dilakukan melalui peranti mereka seperti MacBook, iPhone atau iPad. Cloud Computing boleh dijalankan bila-bila masa, dari mana-mana sahaja, biasanya dengan menggunakan laman *web* percuma atau aplikasi

web percuma seperti Google Docs.

Sebagai contoh, jika kita memuat naik gambar-gambar melalui komputer riba MacBook kita ke Google Drive. Setelah itu, kita keluar ke sebuah restoran untuk berjumpa dengan kawan, sambil kita minum-minum, kita boleh mengakses laman *web* Google Drive tadi melalui iPhone. Pada masa yang sama kita telah memuat naik semua gambar-gambar kesukaan kita untuk kita perlihatkan kepada kawan kita tadi. Dalam masa yang sama juga, adik kita di rumah turut mengakses Google Drive milik kita melalui komputer tablet iPad miliknya, kemudian memuat naik (*upload*) beberapa lagi gambar untuk ditambah bagi menyerikan suasana.

Secara ringkasnya, cloud computing adalah perkhidmatan pelayan komputer (*servers*), penyimpanan (*storage*), pangkalan data (*databases*), rangkaian (*networking*), perisian (*software*), analisis (*analytics*) dan banyak lagi dari internet.

Kelebihan Cloud Computing

1. Format dokumen yang sesuai (Compatible File Format). Aplikasi Microsoft Words, Excel dan PowerPoint boleh digunakan dan diubah suai melalui Cloud Computing dengan menggunakan Google Docs. Dengan Google Docs ini juga membolehkan berbilang pengguna untuk menambah perisian dalam dokumen tanpa perlu untuk dimuat turun dan dimuat naik.

2. Meningkatkan prestasi dan kemampuan komputer.

Prestasi dan kemampuan komputer akan dapat dipertingkatkan apabila penggunaan Cloud Computing ini digunakan secara maksimum. Kebanyakan data-data dan dokumen boleh disimpan dalam Cloud supaya mengelak penuh data dalam komputer.

3. Fail yang boleh diakses di mana sahaja.

Cloud Computing membolehkan fail yang disimpan dalam Cloud diakses dengan mudah tidak mengira masa, lokasi dan peranti selagi pengguna mempunyai sambungan internet.

4. Kebolehpercayaan data penyimpanan.

Boleh digunakan untuk back-up data-data penting sama ada disimpan di komputer dan di Cloud. Laman *web* Cloud Computing juga menggunakan *secured connection https*.

5. Ruang yang tiada had.

Pengguna atau syarikat boleh menyimpan sebanyak mana data atau maklumat di Cloud yang mana memori tiada had.

6. Kerja berkumpulan yang lebih mudah.

Fail atau dokumen juga boleh dikongsi tanpa had bilangan pengguna. Kemampuan sharing PC to PC audio dan video

7. Sistem pengurusan dan operasi yang lebih mudah.

Data maklumat peribadi atau syarikat dapat disimpan, dipantau dan diatur dengan lebih mudah.

Kekurangan Sistem Cloud Computing

1. Keperluan internet.

Untuk menggunakan sistem Cloud Computing, selain keperluan perkakasan pengguna juga memerlukan capaian internet. Masalah akan timbul jika tiada capaian internet atau kurang stabil. Sekiranya sistem talian internet terganggu atau bermasalah, capaian data turut terganggu. Seterusnya mengganggu aktiviti harian pengguna atau syarikat.

2. Keselamatan.

Masih tidak dapat dipastikan tahap keselamatan penggunaan Cloud Computing ini. Walaupun mempunyai kata laluan, ia boleh dipecah masuk oleh penggodam yang berkemahiran.

3. Ketidakpastian keadaan *server* vendor.

Oleh kerana *server* vendor di 'awan', masih terdapat ketidakpastian keadaan *server* Cloud Computing. Antara kemungkinan yang boleh terjadi ialah *server down* atau memori penuh.

Seperti kemudahan digital lain, Cloud Computing ada risiko tersendiri. Apa sahaja benda yang menggunakan kata laluan boleh dipecah masuk. Laman *web* milik kita boleh digodam oleh penggodam yang berkemahiran. Mungkin orang lain dapat tahu tentang kata laluan kita, membuka laman *web* kita kemudian memadamkan data-data yang tersimpan di situ tanpa kita ketahui.

Walau bagaimanapun, risiko-risiko ini boleh dikawal dari semasa ke semasa. Kebaikan Cloud Computing jauh lebih banyak berbanding dari keburukannya. Ia banyak memudahkan kerja kita seharian di tempat kerja amnya.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

WAWASAN Brunei 2035 merupakan aspirasi jangka masa panjang negara dan rakyat yang berhasratkan Negara Brunei Darussalam berkembang maju dan memastikan masa depan negara terjamin. Salah satu matlamat utama Wawasan Brunei 2035 ialah Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi, di mana untuk mencapai matlamat ini setiap individu perlu mengamalkan cara hidup yang sihat dengan mengambil makanan yang sihat dan sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal atau beriadah.

Pusat Promosi Kesihatan (HPC)

Ditubuhkan pada tahun 2008, Pusat Promosi Kesihatan (HPC) berusaha untuk mencapai bangsa Brunei yang sihat dan cergas. Walaupun penduduk di Brunei hari ini menikmati kesihatan yang baik dengan jangka hayat yang tinggi dan kadar kematian yang rendah, HPC ingin meningkatkan lagi status kesihatan penduduk dan rakyat di negara ini untuk terus menikmati kesihatan yang baik seiring bertambahnya usia.

Untuk mencapainya, HPC akan mendorong usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan dan pemahaman dalam kalangan masyarakat Brunei mengenai masalah kesihatan pada umumnya dan penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup, khususnya. Ia berfungsi sebagai pusat sumber untuk membolehkan orang ramai memperoleh maklumat, kemahiran dan alat untuk menguruskan kesihatan mereka. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai pusat jangkauan masyarakat dengan tumpuan khusus untuk menyediakan program dan aktiviti pendidikan kesihatan untuk kanak-kanak dan remaja.

Program-Program Yang Dijalankan

Dengan misi 'Memperkasa Rakyat Ke arah Kehidupan Sihat', pelbagai program-program kesihatan telah diungkapkan oleh HPC untuk memastikan kesihatan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini pada tahap yang baik.

Program Pemeriksaan Kesihatan Bersepadu dan Promosi Kesihatan

Program Pemeriksaan Kesihatan Bersepadu dan Promosi Kesihatan untuk Penjawat Awam dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 5 September 2007. Program ini merupakan sebahagian daripada program di bawah Unit Penyelidikan dan Perancangan Strategik, HPC.

Antara objektif program tersebut ialah memeriksa klien untuk Penyakit Tidak Berjangkit kronik (NCD) iaitu Penyakit Jantung Koronari, Diabetes Mellitus, Penyakit Ginjal, Kanser (Kolorrektal, Serviks & Payudara), Hipertensi, penyakit kesihatan mata dan mulut, di samping meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai NCD kronik yang berkaitan dengan gaya hidup.

Selain itu, memberi peluang kepada semua penjawat awam menjalani pemeriksaan kesihatan; menyokong klien dalam mencari rawatan awal dan / atau kaunseling mengenai kesihatan mereka; menanamkan kesedaran tentang kesihatan mereka dan menyedari bahawa menjaga kesihatan seseorang adalah tanggungjawab bersama; dan membolehkan setiap penjawat awam membuat keputusan yang tepat mengenai kesihatan mereka; serta mendorong pelanggan menjalani kehidupan yang produktif dan berkualiti.

Program Mukim Sihat

Program Mukim Sihat merupakan Program Tetapan Sihat, bermula pada tahun 2006, dan menyasarkan semua mukim-mukim (sub-distrik) di seluruh negara yang bertujuan untuk memberi pengetahuan, meningkatkan kesedaran dan bertindak sebagai peringatan kepada masyarakat setempat mengenai pentingnya kesihatan dan pencegahan penyakit kronik melalui gaya hidup sihat.

Objektif program tersebut ialah meningkatkan kesedaran masyarakat dalam isu kesihatan tertentu seperti gaya hidup sihat dan penyakit kronik; mendorong dan membuktikan kemampuan masyarakat untuk mempraktikkan gaya hidup sihat yang berterusan (perubahan tingkah laku lestari) seperti mengamalkan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal setiap hari; dan melaksanakan aktiviti atau program berdasarkan gaya hidup sihat sebagai inisiatif utama yang dijalankan atau dimiliki oleh Majlis Perundingan Mukim / Kampung.

Program ini juga diharapkan dapat meningkatkan kerjasama antara pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan, sektor swasta dan masyarakat untuk memperkuat komitmen dalam mempraktikkan hidup sihat.

Ceramah / Pameran / Kempen Kesihatan

HPC secara berkala mengadakan ceramah, pameran dan kempen kesihatan mengenai pelbagai topik kesihatan, baik yang dirancang atau berdasarkan permintaan.

Topik-topik merangkumi Gaya Hidup Sihat - kehidupan sihat; Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit seperti diabetes, barah atau obesiti - Anti Merokok - tidak merokok Aktiviti Fizikal; Makanan & Pemakanan - makanan dan khasiat; Menurunkan berat badan - pengurangan berat badan; Kesan buruk ubat pada kesihatan; dan Jangkitan Menular Seksual (STI) / HIV - jangkitan kelamin (STI / HIV).

Inisiatif Baharu - Garis Pandu Kebangsaan Pemakanan Sihat 2020

Sebuah buku mengenai Garis Pandu Kebangsaan Pemakanan Sihat 2020 (National Dietary Guidelines for Healthy Eating 2020) juga dilancarkan oleh HPC pada bulan Februari 2020 yang merupakan satu penerbitan atau dokumen berbentuk buku yang mengandungi maklumat-maklumat, panduan-panduan dan sukut-sukat amalan pemakanan sihat bagi penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam, yang cukup jelas serta telah dihasilkan berlandaskan bukti-bukti saintifik terkini. Garis Pandu Kebangsaan ini telah disediakan untuk memandu dan memaklumkan orang ramai dengan maklumat yang terkini, sahih dan dipercayai.

Sejak beberapa dekad yang lalu, Negara Brunei Darussalam mengalami pembangunan sosioekonomi yang pesat dan penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan dan taraf kehidupan. Pada waktu yang sama, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam juga telah melalui peralihan yang drastik daripada segi amalan pemakanan seharian mereka yang sedikit sebanyak dipengaruhi oleh perkembangan dalam industri makanan dan minuman dan jua pamasaran. Transisi ini adalah di antara faktor penyumbang kepada kadar tinggi pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit atau Non-Communicable Diseases (NCDs) yang berkaitan dengan pemakanan. Oleh yang demikian penghasilan Garis Pandu Kebangsaan Pemakanan Sihat ini adalah sangat penting dan relevan sebagai bahan rujukan pelbagai pihak.

Garis pandu tersebut dihasratkan akan dapat digunakan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan seperti dalam penyediaan maklumat kesihatan mengenai amalan pemakanan yang sahih, tepat dan dipercayai untuk orang awam di Negara Brunei Darussalam; memberi panduan serta maklumat kepada para penggubal

dasar dalam pembentukan dasar-dasar pemakanan untuk kesihatan awam di pelbagai persekitaran seperti sekolah, tempat kerja, tempat penjualan makanan dan minuman termasuk School Health Nutrition Policy, School Canteen Guidelines; Nutrient Guidelines for Foods and Beverages with the Healthier Choice Logo; Guidelines on Sales and Catering of Food and Beverages at the Workplace dan Nutrient Guidelines for Healthy Dining, Fiscal Policy on Sugar-Sweetened Beverages.

Selain memberi panduan kepada para profesional kesihatan dalam mempromosi dan menyokong pengambilan pemakanan yang mencukupi, seimbang dan selamat sekali gus dapat mengurangkan risiko pelbagai penyakit tidak berjangkit; dan mereka bentuk sebarang kurikulum yang berkenaan oleh para ahli akademik dan penyelidik yang terlibat dalam mengajar atau penyelidikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemakanan.

Buku garis panduan tersebut mengandungi 11 mesej utama (*key message*) iaitu:

1. Menikmati pelbagai makanan berkhasiat setiap hari dalam jumlah yang disyorkan;
2. Mengekalkan pengambilan kalori seimbang dengan aktiviti fizikal yang teratur untuk memastikan berat badan berada dalam lingkungan yang sihat;
3. Menghidangkan makanan berasaskan nasi, roti, kentang, pasta, mi atau karbohidrat berkanji lain, dengan sekurang-kurangnya separuh dari biji-bijian;
4. Makan sekurang-kurangnya dua hidangan buah dan tiga hidangan sayur setiap hari;
5. Makan ikan, ayam, daging tanpa lemak, kacang, kacang dan protein lain secara sederhana;
6. Menghadkan pengambilan makanan berlemak dan menggunakan minyak masak yang disyorkan dengan berhati-hati;
7. Mengurangkan pengambilan makanan dan minuman yang mengandungi gula;
8. Mengurangkan garam dan sos dalam masakan dan penyediaan makanan, dan pilih makanan yang kurang bergaram;
9. Mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan pertama dan meneruskan penyusuan sehingga dua tahun sambil memberi makanan yang lengkap dengan khasiat dari usia 6 bulan;
10. Memastikan makanan dan minuman disediakan secara bersih dan selamat untuk dimakan;
11. Membaca dan memahami label makanan untuk membuat pilihan yang lebih sihat.

Dasar aliran data bebas ke seluruh ASEAN perlu diwujudkan segera - Pakar ekonomi



KUALA LUMPUR, 15 Jan. - Dasar dan peraturan mengenai aliran data secara bebas ke seluruh ASEAN mesti diwujudkan segera untuk menggalakkan pendigitalan dan meningkatkan penggunaannya di rantau ini.

Pakar Ekonomi Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) yang berpangkalan di Jakarta, Dr Lurong Chen berkata gesaan itu penting ketika ini kerana aktiviti digital yang merangkumi penetapan peraturan, kemudahan perdagangan dan liberalisasi perkhidmatan sangat bermanfaat.

"ASEAN, sebagai pertubuhan serantau, telah menunjukkan potensinya dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan. Oleh itu, usaha serantau diperlukan untuk menggalakkan digitalisasi, dan tugas paling mendesak adalah mewujudkan aliran data yang bebas," kata Chen menerusi e-mel kepada Bernama, sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Digital ASEAN Pertama (ADGMINI), dijadualkan berlangsung secara sidang video pada 21 dan 22 Januari ini.

Mesyuarat yang akan dihoskan Malaysia itu antara lain akan menumpukan mengenai mewujudkan blok ekonomi digital

dalam kalangan negara ASEAN.

Chen berkata ketika bergelut dengan cabaran COVID-19, aliran pelaksanaan aliran data secara bebas tentunya akan membantu memacu ekonomi digital, dan menuju integrasinya ke seluruh wilayah.

"Pandemik ini mengukuhkan kepentingan digitalisasi berbanding sebelumnya. Selain e-dagang, e-pembelajaran dan e-kesihatan juga menunjukkan permintaan dan potensi pasaran yang besar ketika ini.

"Mengenai hal ini - ya, menyegerakan langkah liberalisasi perkhidmatan akan membantu memacu ekonomi digital," katanya.

Chen yang juga Felo Penyelidikan di Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), cabang akademik dan penyelidikan PBB menambah dengan Rakan Dialog ASEAN, bidang transformasi digital dan ekonomi dari segi isu-isu merangkumi keselamatan siber dan perlindungan data peribadi dalam kalangan blok juga boleh ditambah baik.

"Ia akan menjadi asas untuk meningkatkan "aliran data bebas yang boleh dipercayai "di seluruh negara.

"Berunding dengan negara terkemuka digital lain (seperti Amerika Syarikat, China dan Jepun), akan membantu ASEAN untuk berkongsi pengalaman dan mempelajari bagaimana mempercepat penggunaan digital dan mengekalkan pembangunannya.

Mengulas mengenai ADGMINI, Chen berkata mesyuarat itu penting terutamanya dalam landskap sosioekonomi pandemik semasa.

"COVID-19 menimbulkan serangkaian cabaran baharu, dari segi sosial dan ekonomi.

"Orang ramai berharap mesyuarat itu dapat memberi manfaat; mengenai isu yang menarik perhatian pemimpin ASEAN, bagaimana menteri akan mentafsirkan cabaran ini, dan kaedah yang akan digunakan ASEAN untuk bekerjasama membentuk kerangka pentadbiran serantau mengenai digitalisasi."

Bertemakan "ASEAN: A Digitally Connected Community", pertemuan itu bertujuan memperkukuh kerjasama dalam kalangan ASEAN untuk membangun ekosistem digital sebagai tonggak dalam rancangan pembangunan pasca-COVID-19.

Dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Saifuddin Abdullah, ADGMINI juga akan melibatkan rakan dialog ASEAN termasuk Jepun, China, Kesatuan Eropah, Korea Selatan dan Kesatuan

Telekomunikasi Antarabangsa. ASEAN, yang ditubuhkan pada 1967, merangkumi Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. - ©BERNAMA

Kes COVID-19 seluruh dunia kini melebihi 93 juta

MOSCOW, 15 Jan. - Jumlah kes COVID-19 yang disahkan di seluruh dunia sudah melebihi 93 juta, lapor Agensi Berita Sputnik.

Menurut data Johns Hopkins University pada Jumaat jumlah sebenar kes ialah 93,018,040 dengan lebih 1.99 juta kematian.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan COVID-19 sebagai wabak pada 11 Mac. Sebilangan besar kes setakat ini direkodkan di Amerika Syarikat, India dan Brazil. - ©BERNAMA

Gempa di Sulawesi : Tiga maut, 24 cedera, dikhuatiri ramai lagi terkorban

JAKARTA, 15 Jan. - Gempa bumi kuat 6.2 Skala Richter di Sulawesi Barat, Indonesia, awal pagi tadi, dikhuatiri mengorbankan lebih ramai mangsa dengan tiga disahkan maut setakat ini, berikutan berlakunya runtuh rumah dan bangunan.

Menurut kenyataan Badan Pengurusan Bencana Daerah (BNPD) Kabupaten Majene dan Polewali Mandar, berdasarkan data sementara yang diperoleh, setakat 9 pagi ini, tiga disahkan meninggal dunia, 24 cedera dan lebih 60 rumah dan bangunan runtuh.

Pasukan mencari dan menyelamatkan dilaporkan sedang mengesan mangsa-mangsa yang dipercayai masih terperangkap di bawah runtuh.

Menurut Badan Meteorologi Klimatologi dan Geofisika (BMKG) Indonesia, gempa bermagnitud 6.2 Skala Richter itu berlaku pukul 1.28 pagi waktu Indonesia barat, berpusat di 6km Timur Laut-Majene-Sulawesi Barat pada kedalaman 10km.

Sejak semalam, kawasan berkenaan merekodkan beberapa siri gempa bermagnitud sederhana di bawah 6 Skala Richter.

Menurut BNPD Kabupaten Majene dan Polewali Mandar, gempa itu berlaku sekitar lima hingga enam saat, menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan panik dan bergegas keluar dari rumah. Bagaimanapun, gempa berkenaan tidak mencetuskan ancaman tsunami dan setakat ini dilaporkan lebih 2,000 penduduk ditempatkan di pusat pemindahan sementara. - ©BERNAMA

Twitter susun pelan peralihan akaun rumah putih

MOSCOW, 15 Jan. - Twitter sudah menyusun pelan peralihan akaun institusi sedia ada Rumah Putih untuk pentadbiran presiden baharu Amerika Syarikat, Joe Biden, lapor Agensi Berita Sputnik.

Platform media sosial itu menjelaskan pihaknya akan bekerjasama dengan kerajaan Amerika Syarikat (AS) bagi menyusun arkib dan peralihan akaun Twitter merangkumi penyelarasan seluruh pentadbiran.

"Memandangkan bakal Presiden Biden akan mengangkat sumpah jawatan pada 20 Januari 2021, Twitter akan memudahkan pemindahan akaun Twitter Rumah Putih termasuk akaun @WhiteHouse, @POTUS, @VP, @FLOTUS dan @PressSec," menurut Twitter.

Akaun rasmi bakal Presiden Biden akan dikenali akaun POTUS (Presiden Amerika Syarikat), akaun peralihan Presiden Biden-Harris menjadi akaun Rumah Putih. Penyelarasan turut membatalkan akaun Naib Presiden, Wanita Pertama dan Setiausaha Akhbar.

Suami Naib Presiden Kamala Harris, Doug Emhoff, akan menggunakan akaun baharu @SecondGentleman.

Tweet pentadbiran Presiden Donald Trump akan dipindahkan ke Pentadbiran Arkib dan Rekod Negara menggunakan pengendali baharu menerusi akaun @POTUS45 sama seperti akaun rasmi bekas Presiden Barack Obama menggunakan @POTUS44.

Akaun baharu tidak mengekalkan pengikut akaun sebelum ini, tetapi pemberitahuan akan dihantar untuk memaklumkan pengguna mengenai perubahan itu, jelas Twitter. - ©BERNAMA

Makanan, keperluan harian dihantar awal ke kawasan pedalaman di Sarawak

KUCHING, 15 Jan. - Bekalan makanan dan keperluan harian yang tahan lama telah dihantar lebih awal ke kawasan pedalaman Sarawak khususnya di kawasan yang berisiko dilanda banjir, kata Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri Mohtar Samat.

Beliau berkata persiapan itu diambil agar barangan berkenaan dapat diagihkan segera kepada mangsa terlibat sekiranya berlaku banjir di kawasan kampung yang jauh, khususnya di kawasan pedalaman. "Pihak APM bekerjasama dengan pejabat

residen, pejabat daerah dan agensi penyelamat seperti bomba, polis dan syarikat bot ekspres untuk menghantar barang-barang berkenaan," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan banjir di daerah Bau dekat sini hari ini.

Mohtar berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyediakan bekalan makanan mencukupi untuk dihantar dan diedarkan kepada mangsa banjir.

Sementara itu, beliau berkata lima atau enam pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Bau

mungkin ditutup hari ini bergantung kepada keadaan cuaca.

Mohtar turut memuji sikap ketua masyarakat dan ketua kampung di negeri ini yang membantu melancarkan tugas agensi terlibat dengan memastikan penduduk kampung berpindah segera ke PPS apabila diarahkan berbuat demikian.

Setakat tengah hari tadi, jumlah mangsa banjir di daerah Bau terus mencatat penurunan dengan hanya 10 PPS dibuka berbanding 17 buah semalam. - ©BERNAMA

Korea Selatan lanjutkan sekatan perjalanan ke luar negara sehingga 15 Februari

SEOUL, 15 Jan. - Korea Selatan pada Jumaat melanjutkan sekatan perjalanan ke luar negara selama sebulan lagi kerana penularan COVID-19 yang berterusan, kata Kementerian Luar.

Langkah yang berkuat kuasa sehingga 15 Februari itu meminta warganya membatalkan atau

menangguhkan rancangan perjalanan ke luar negara. Sekatan perjalanan yang dikuat kuasa sebelum ini akan berakhir pada Sabtu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kementerian berkata tindakan itu dilanjutkan kerana banyak negara di seluruh dunia

menyambung sekatan kemasukan dari luar negara dan banyak penerbangan antarabangsa masih digantung.

Rakyat juga disaran mematuhi garis panduan kebersihan, menghindari perhimpunan besar dan aktiviti luar, dan meminimumkan kontak dengan orang lain. - ©BERNAMA

Jepun : Nilai kerosakan akibat salji lebat cecah US\$20 bilion

TOKYO, 15 Jan. - Nilai kerosakan akibat ribut salji yang melanda 20 wilayah di Jepun sejak pertengahan Disember kini mencecah 2.1 bilion yen (US\$20.2 bilion), lapor Agensi Berita Sputnik.

Menteri Pertanian Jepun Kotaro Nogami berkata bagaimanapun skala kerosakan sebenar belum dapat dipastikan. "Berlaku kesukaran untuk kumpul data di beberapa wilayah," kata Nogami, memetik Kyodo News.

Salji lebat melanda utara dan barat laut Jepun pada pertengahan Disember menyebabkan sebanyak 6,770 bangunan di kawasan ladang musnah termasuk rumah hijau, gudang serta di ladang ternakan. - ©BERNAMA



Kes kematian, jangkitan COVID-19 terus meningkat di negara Arab

ISTANBUL, 15 Jan. - Iraq, Palestin, Kuwait dan Qatar pada Khamis masing-masing mengumumkan peningkatan kes jangkitan dan kematian COVID-19, lapor Agensi Anadolu. Di Iraq, tujuh meninggal dunia

dalam tempoh 24 jam menjadikan jumlah keseluruhan korban sebanyak 12,922 orang manakala 770 jangkitan baharu dilaporkan dengan keseluruhan kes meningkat kepada 606,186. Sebanyak 564,359 pemulihan direkodkan.

Sementara itu Kementerian Kesihatan Palestin berkata tujuh lagi kematian dan 736 kes baharu dilaporkan.

Di wilayah Palestin dengan

penduduk sekitar lima juta (Tebing Barat, Gaza, Baitulmaqdis Timur), jumlah kes mencecah 169,388, sementara terdapat 1,821 kematian dan 153,774 pesakit pulih.

Kementerian Kesihatan Kuwait pula merekodkan 560 kes baharu dan 252 pemulihan. Jumlah kematian akibat COVID-19 di negara ini sebanyak 946.

Di Qatar, 209 jangkitan baharu

disahkan menjadikan jumlah kes meningkat kepada 146,689 di samping 246 kematian.

Wabak COVID-19 telah meragut lebih 1.98 juta nyawa di 191 negara dan wilayah sejak Disember lalu.

Lebih 92.7 juta kes dilaporkan di seluruh dunia dengan lebih 51.1 juta pemulihan, menurut data Johns Hopkins University. - ©BERNAMA

Kerajaan baharu Jordan dapat sokongan parlimen

AMMAN, 14 Jan. - Kerajaan baharu Jordan yang diketuai Perdana Menteri Bishr Al-Khasawneh mendapat sokongan parlimen pada Rabu. Agensi Anadolu melaporkan seramai 88 ahli parlimen menyokong kerajaan sementara 38 lagi menentang.

Semasa berucap sebelum pengundian usul undi tidak percaya dijalankan, Al-Khasawneh berkata kerajaan tidak akan berkompromi dengan hak perlembagaan dan menggalas tanggungjawab itu.

Raja Jordan Raja Abdullah II pada 7 Oktober melantik Al-Khasawneh untuk membentuk kerajaan baharu menggantikan pemerintahan Omar Al-Razzaz. - ©BERNAMA

Bank dunia : pemulihan ekonomi China turut menyumbang kepada ekonomi dunia

BEIJING, 14 Jan. - Bank Dunia berpendapat ekonomi China akan menyaksikan pemulihan pada 2021 sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global.

Ketika ditemui pada seminar anjuran Kumpulan Pemikir Globalisasi pada Rabu, beberapa pegawai Bank Dunia menyatakan pemulihan ekonomi di China akan memberi impak lonjakan besar kepada ekonomi global, khususnya di kawasan Asia Timur dan entiti ekonomi baharu. Menurut mereka, pemulihan ekonomi tetap berlaku meskipun penurunan pelaburan dan peningkatan hutang akibat wabak memberi kesan negatif kepada ekonomi pelbagai negara.

Terdahulu, Laporan Prospek Ekonomi Global terbaru yang dikeluarkan Bank Dunia baru-baru ini memperlihatkan prospek ekonomi global pada separuh pertama 2021 diturunkan susulan krisis kesihatan pandemik COVID-19.

Mengikuti unjuran Bank Dunia, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) China akan mencatat perkembangan sebanyak 7.9 peratus tahun ini. Sejarai dengan itu, pertumbuhan ekonomi di entiti ekonomi baharu muncul akan mencatat lima peratus lebih tinggi berbanding jangkaan sebelum ini, iaitu 4.6 peratus.

Dalam perkembangan lain, tahun ini kerajaan China memutuskan terus melaksana dasar kewangan yang positif dan dasar monetari stabil. Kerajaan juga akan memacu inovasi sains dan teknologi, mempercepat langkah penstrukturan semula ekonomi, di samping membentuk paradigma pembangunan baharu bukan hanya merujuk kepada kitaran tunggal berdasarkan pasaran domestik tertutup, sebaliknya melaksanakan 'dwi kitaran' iaitu kitaran domestik dan kitaran domestik-antarabangsa yang terbuka dan saling menggalakkan.

Selain itu, pemulihan ekonomi China turut akan menyediakan pengalaman yang boleh diikuti negara lain pasca pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

Vietnam akan eksport 1,600 tan beras wangi ke Singapura, Malaysia

HANOI, 14 Jan. - Vietnam akan mengekspor 1,600 tan beras wangi berkualiti tinggi ke Singapura dan Malaysia, umum Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pada Rabu.

Sebanyak 450 tan beras Jasmine 85 akan dihantar ke Singapura dengan nilai US\$680 per tan, sementara 1,150 tan beras wangi "Huong Lai" dihantar ke Malaysia bernilai US\$750 per tan, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Ketua Pengarah Trung An JSC, Pham Thai Binh berkata syarikat ini juga akan mengekspor lebih 2,000 tan beras ke Jerman.

Binh berkata, di sebalik masalah wabak COVID-19, industri beras Vietnam berjaya mengharungi keadaan itu, nilai eksport beras catat peningkatan lebih sembilan peratus 2020 walaupun tidak setinggi yang dicatatkan pada 2019.

Awal 2021 dan hujung tahun lalu, beberapa syarikat di bawah Persatuan Makanan Vietnam (VFA), termasuk Trung An JSC, menandatangani kontrak eksport, terutama dengan rakan Eropah dan negara anggota Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Malaysia dan Singapura dua daripada 10 pengimport terbesar beras Vietnam.

Tahun lalu Vietnam mengekspor 6.15 juta tan beras, memperoleh anggaran US\$3 bilion, walaupun jumlah itu menurun sekitar 3.5 peratus. - ©BERNAMA

Bumi berputar lebih cepat, tahun akan datang mungkin lebih pendek

MOSCOW, 14 Jan. - Putaran bumi yang lebih cepat dijangka menjadikan 2021 lebih pendek berbanding tahun sebelumnya dan mungkin mengurangkan satu saat daripada penyelarasan waktu sejagat (UTC), menurut Fizik Teknikal dan Kejuruteraan Radio, Institut Metrologi Rusia, lapor Agensi Berita Sputnik.

Memasuki 2021, media sering melaporkan saintis menyatakan Bumi berputar semakin cepat, menjadikan piawai satu hari lebih pendek dari 24 jam. Menurut laporan, 2020 mengandungi 28 hari terpendek dalam sejarah (sejak awal

pemerhatian metrologi pada 1960), dan 19 Julai dicatat 1.4 milisaat lebih pendek daripada biasa. Trend ini dilaporkan dijangka berterusan pada tahun akan datang. "Memang benar, ramalan awal (hari akan menjadi lebih pendek), tetapi hanya jika kelajuan putaran Bumi dipelihara," kata jurucakap institut Rusia.

Selama beberapa dekad, Bumi berputar di sekitar paksinya lebih cepat daripada tempoh 24 jam (satu hari atom), dan saintis menambah 1 saat ke UTC pada purata setiap 18 bulan untuk mengimbangkan perbezaannya. Tempoh putaran Bumi di sekitar

paksinya disebut hari bintang, atau UT1. "Selama empat tahun terakhir, perbezaan antara hari bintang dan hari atom hampir lenyap, jadi tidak perlu menambah saat tambahan ke UTC. Jika kelajuan putaran Bumi berlanjutan dengan kecepatan yang sama, di akhirnya kita mungkin tidak perlu menambah saat, tetapi menolaknya dari UTC," kata jurucakap itu.

Sejak 1972, sejumlah 27 saat telah ditambah ke UTC untuk mengimbangkan masa sejagat. Pengembangan pertama dibuat pada 1 Julai 1972 dan terakhir pada 1 Januari 2017. - ©BERNAMA

UAE ratifikasi perjanjian pengecualian visa dengan Israel

ISTANBUL, 14 Jan. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Rabu meluluskan perjanjian pengecualian visa dengan Israel, memetik kenyataan Kementerian Luar Israel lapor Agensi Anadolu.

Perjanjian berkenaan akan berkuat kuasa dalam tempoh 30 hari dan warga Israel boleh ke UAE tanpa visa, menurut

kenyataan itu.

Dengan penguatkuasaan perjanjian itu UAE menjadi negara Arab pertama yang rakyatnya boleh memasuki Israel tanpa visa.

Pada 15 September tahun lalu Israel dan UAE menandatangani perjanjian memulihkan hubungan diplomatik

yang ditaja Amerika Syarikat, langkah yang kemudian diikuti Bahrain serta Sudan dan baru-baru ini Maghribi.

Perjanjian itu menerima kecaman hebat rakyat Palestin, kerana menganggap kesepakatan akan mengabaikan lagi hak dan kepentingan Palestin. - ©BERNAMA

BFA saran perkukuh hubungan perdagangan bebas entiti ekonomi Asia

BEIJING, 15 Jan. - Forum Asia Boao (BFA) menyarankan hubungan perdagangan bebas dan integrasi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara entiti ekonomi utama di rantau Asia terus diperkukuh bagi membentuk Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA) yang melibatkan lebih banyak bidang, sekali gus mewujudkan integrasi ekonomi rantau Asia.

Merujuk kepada situasi penularan wabak COVID-19 yang semakin meruncing, BFA mengeluarkan laporan bertajuk "Perjanjian Perdagangan Bebas: Pilihan Asia" pada Khamis untuk menggariskan hala tuju perkembangan perdagangan bebas di Asia.

Menurut laporan itu, negara Asia disaran meningkatkan kaji selidik dan penggunaan peraturan FTA,

menjadikan semakin banyak syarikat dan individu relevan dengan manfaat FTA di rantau ini, memperincikan pelaksanaan dasar pintu terbuka dan pembaharuan serta menyempurnakan dan mengubah suai dasar domestik bagi menyesuaikan diri dengan FTA.

Laporan itu turut menyatakan negara-negara yang kurang maju juga digalakkan menganggotai FTA bagi pembangunan keupayaan.

Pelbagai negara digalakkan mempercepat langkah penubuhan zon perdagangan bebas Asia bertahap tinggi bagi menggubal penyelesaian Asia yang bertujuan untuk mendorong pembaharuan sistem perdagangan pelbagai hala.

Setiausaha Agung BFA, Li Baodong pada sesi perbincangan mengenai laporan itu menyatakan,

negara Asia perlu mengamalkan nilai "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" dalam usaha melawan pandemik COVID-19.

Tambah Li, negara-negara rantau ini juga perlu mendorong pelaksanaan peraturan FTA dengan sikap terbuka agar menyediakan tunjangan dan penggerak baharu kepada pertumbuhan ekonomi serantau.

Naib Pengerusi BFA, Zhou Xiaochuan pula berpendapat, entiti ekonomi Asia digalakkan menganggotai FTA yang peringkatnya lebih tinggi dan melibatkan lebih banyak bidang.

Katanya, ia sekali gus memberi impak dorongan kepada pembaharuan Pertubuhan Perdagangan Sedunia dan pembentukan semula peraturan perdagangan pelbagai hala. - ©BERNAMA

Biden lancar pelan selamatkan Amerika bernilai US\$1.9 trilion



WASHINGTON, 15 Jan. - Pasukan peralihan bakal Presiden Joe Biden akan melancarkan rancangan US\$1.9 trilion untuk menghidupkan semula ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan memerangi COVID-19, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Rancangan Menyelamatkan Amerika bernilai US\$1.9 trilion

Biden satu cita-cita tinggi, tetapi boleh dicapai, dan akan menyelamatkan ekonomi Amerika dan mula memerangi virus.

"Kongres perlu bertindak cepat untuk membantu keluarga pekerja, masyarakat, dan syarikat kecil bertahan menghadapi pandemik ini," memetik kenyataan dikeluarkan pasukan peralihan itu

pada Khamis.

Rancangan Biden meminta Kongres meluluskan US\$400 juta untuk memerangi COVID-19 supaya dapat menubuhkan pusat vaksinasi masyarakat di seluruh AS dan meningkatkan pengujian dan pengesanan, kata kenyataan tersebut. Pelan ini juga mencadangkan pemberian

rangsangan pembayaran kepada individu yang layak sebanyak US\$1,400.

Di samping itu, ia juga bertujuan menyediakan US\$130 bilion untuk pembukaan semula sekolah-sekolah dalam 100 hari pentadbiran presiden Biden,

kata kenyataan itu.

Rancangan Biden juga meminta Kongres meluluskan US\$9 bilion untuk meningkatkan infrastruktur teknologi maklumat dan menangani pelanggaran sistem data kerajaan persekutuan baru-baru ini. - ©BERNAMA

Nenek 63 tahun selamatkan empat cucunya daripada kejadian tanah runtuh

PADAWAN, 13 Jan. - Seorang nenek berusia 63 tahun bersama anak perempuannya bertindak pantas membawa keluar empat cucunya apabila sebahagian rumah mereka di Kampung Garung, kilometer 40 Jalan Puncak Borneo ditimbus tanah runtuh malam tadi.

Nona Budis berkata kejadian tanah susur di belakang rumahnya itu berlaku pada 8.30 malam ketika beliau sedang menonton televisyen di ruang tamu, manakala cucu dan anak perempuannya berada di dapur rumah berkenaan.

"Tiba-tiba saya terdengar dentuman kuat, diikuti runtuhan dinding rumah kami dan tanah memasuki ke dalam ruang tamu rumah.

"Mujurlah ketika itu anak dan cucu-cucu saya tidak berada dekat dengan televisyen seperti kebiasaannya," katanya ketika ditemui di rumahnya itu hari ini.

Hadir untuk melawat dan meninjau tempat kejadian ialah Ahli Parlimen Puncak Borneo Willie Mongin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi.

Menurut Nona, ini adalah kali kedua kejadian tanah runtuh di belakang rumahnya itu berlaku, selepas kejadian baru-baru ini.

"Ketika ini, kami sekeluarga terpaksa menumpang di rumah anak saya," katanya.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan dua rumah mengalami kerosakan akibat tanah runtuh di Kampung Annah Sadir, Padawan kira-kira 3.30 pagi semalam.

Menurut ketua kampungnya, Sagu Bakong kejadian tanah runtuh itu berlaku akibat hujan yang berterusan sejak Isnin lepas. - ©BERNAMA

AS : Penumpang antarabangsa perlu kemuka keputusan ujian negatif COVID-19

WASHINGTON, 13 Jan. - Mulai 26 Januari semua penumpang antarabangsa yang melakukan perjalanan ke Amerika Syarikat (AS) perlu mengemukakan keputusan ujian negatif COVID-19, kata Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) pada Selasa.

"Memandangkan AS berada dalam status lonjakan kes, syarat ujian untuk penumpang udara akan membantu memperlambatkan penularan virus ketika kami berusaha untuk memberi vaksin

kepada rakyat Amerika," memetik kenyataan CDC lapor Agensi Anadolu.

Menurut kenyataan itu, penumpang perlu menjalani ujian saringan COVID-19 tiga hari sebelum penerbangan dan menyerahkan salinan dokumen hasil ujian kepada syarikat penerbangan atau pengesahan sudah pulih daripada virus itu.

"Ujian tidak menghilangkan semua risiko. Tetapi bila digabungkan dengan masa tinggal

di rumah dan langkah berjaga-jaga setiap hari seperti memakai pelitup muka dan penjarakan sosial, ini dapat menjadikan perjalanan lebih aman dan selamat serta mengurangkan penularan di dalam pesawat, lapangan terbang dan destinasi dituju," kata Pengarah CDC Robert Redfield.

Pada Selasa, AS merekodkan lebih 22.7 juta kes COVID-19 dan hampir 380,000 kematian, menurut laporan Johns Hopkins University. - ©BERNAMA

China eksport lebih 200 bilion pelitup muka pada 2020

BEIJING, 15 Jan. - China telah mengeksport peralatan dan barangan untuk kegunaan mencegah wabak COVID-19 bernilai RMB438.5 bilion (RM273 bilion) dari Mac hingga Disember 2020.

Menurut data dikeluarkan Jabatan Pentadbiran Am Kastam pada Khamis, ia termasuk 224.2 bilion pelitup muka bernilai RMB340 bilion (RM212 bilion), bersamaan 40 keping untuk semua

penduduk dunia kecuali di China.

Jurucakap jabatan Li Kuiwen berkata 65 bilion daripada 220 bilion adalah kategori pelitup muka perubatan.

Selain itu, sebanyak 2.31 bilion peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk 773 juta PPE perubatan, 289 juta pelindung mata dan 2.92 bilion pasang sarung tangan pembedahan.

China juga mengeksport sejumlah 1.08 bilion kit ujian

reagen COVID-19 sebagai sokongan terhadap usaha pemeriksaan virus.

Li berkata, di samping memenuhi keperluan pencegahan dan kawalan wabak dalam negara, China sebagai pembekal terbesar, telah mengeksport peralatan dan barangan mencegah wabak kepada kebanyakan negara dan kawasan di dunia untuk bersama-sama berusaha memerangi pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

Pilihan raya parlimen Bulgaria ditetapkan 4 April

SOFIA (Bulgaria), 15 Jan. - Presiden Bulgaria Rumen Radev pada Khamis mengumumkan pilihan raya parlimen akan diadakan 4 April, lapor Agensi Anadolu. Dalam ucapannya Radev berkata sudah menandatangani dekri mengenai tarikh pilihan raya itu. "Sejak tahun lalu rakyat Bulgaria menuntut perubahan untuk mengembalikan semula

demokrasi di negara ini secepat mungkin," katanya mengulas mengenai protes yang melanda negara itu. "Saya mendukung tuntutan ini," tambah beliau.

Radev dilaporkan menentang keras pemerintahan diterajui Perdana Menteri Boyko Borisov dan menyifatkan negara kini berada dalam krisis, pembaharuan perlu dilakukan ke arah

pemodenan serta mewujudkan parlimen dan pemerintahan yang dihormati semua rakyat. Justeru, Radev berkata penting untuk memastikan peraturan pilihan raya yang benar-benar berkesan termasuk pengundian mengundi secara dalam talian, pos dan peti undi mudah alih untuk mereka yang menjalani kuarantin. - ©BERNAMA

Pengguna aplikasi Telegram cecah 500 juta

ANKARA, 13 Jan. - Aplikasi pesanan Telegram menjangkau lebih 500 juta pengguna aktif, mencatat 25 juta pengguna baharu dalam tempoh 72 jam terakhir, menurut pengasasnya Pavel Durov.

Jumlah pengguna melebihi 500 juta pada minggu pertama tahun baru, Agensi Anadolu memetik Durov.

"Seramai 25 juta pengguna telah menyertai Telegram dalam 72 jam terakhir. Sebanyak 38 peratus adalah dari Asia, 27 peratus dari Eropah, dan 21 peratus dari Amerika Latin," katanya.

Perkhidmatan pesanan WhatsApp minggu lalu memaksa ramai pengguna supaya bersetuju dengan peraturan privasi baharu untuk berkongsi data peribadi dengan syarikat Facebook.

Pengguna tidak dapat menggunakan perkhidmatan aplikasi kecuali mereka menerima syarat tersebut. - ©BERNAMA

Empat kapal China ceroboh perairan Jepun

TOKYO, 13 Jan. - Empat kapal China menceroboh perairan wilayah Jepun berhampiran Kepulauan Senkaku yang menjadi pertikaian, lapor Agensi Berita Sputnik.

Menurut Agensi Berita Kyodo pada Rabu, memetik perkhidmatan keselamatan Jepun, ini adalah pelanggaran pertama didaftarkan pada 2021.

Pada 2020, Jepun merekodkan 24 kes kapal China memasuki sempadan perairannya dan 333 kes menceroboh zon sempadan Jepun.

Pada pertengahan Oktober, kapal-kapal China memasuki perairan wilayah Jepun dan beredar 57 jam kemudian, mencatatkan rekod baharu tempoh tinggal di kawasan itu.

Rekod sebelum ini pada Julai, ketika kapal-kapal China belayar di wilayah laut Jepun selama 39 jam.

Kepulauan yang dipertikai itu dikenali sebagai kepulauan Diaoyudao di China, sudah sekian lama menjadi perebutan antara China dan Jepun.

Tokyo bertegas ia berhak ke atas kepulauan itu sejak 1895 dan Beijing pula menganggapnya sebagai wilayah China pada peta Jepun sekitar 1783 dan 1785.

Selepas berakhirnya Perang Dunia II, kepulauan itu dikendalikan Amerika Syarikat dan diserahkan kepada Jepun pada 1972.

China percaya Jepun merampasnya secara tidak sah. - ©BERNAMA

China diramal terus berkembang sebagai pusat kewangan dunia

LONDON, 13 Jan. - China dijangka akan terus berkembang menjadi pusat kewangan antarabangsa, kata pengasas Bridgewater Associates, Ray Dalio.

Ketika diwawancara Financial Times Britain, pengasas kepada syarikat dana lindung nilai terbesar di dunia itu berkata tahun 2020 sangat bererti bagi pasaran kewangan China.

Jelas Dalio, meskipun dilanda wabak COVID-19, ekonomi China bukan sahaja kekal berprestasi baik, malah turut menarik banyak pelaburan asing.

Menurutnya, walaupun sistem kewangan China tidak maju seperti negara Barat pada masa ini, tetapi China mempunyai pasaran modal kedua terbesar di dunia.

Berlandaskan kepada perkembangan sejarah, Dalio berkata negara dengan nilai perdagangan besar pada akhirnya akan menjadi pusat kewangan dunia serta mempunyai mata wang rizab global.

Pada masa sama, Dalio menyatakan beliau melihat China secara optimis sejak sekian lama.

Katanya, faktor kejayaan pemulihan ekonomi China daripada wabak, berikutan saham dan bonnya yang turut dimasukkan dalam indeks kewangan berpengaruh pada peringkat global secara tidak langsung telah meningkatkan daya tarikan China terhadap modal asing.

Pasaran modal China bukan sahaja berkembang baik dari sudut skala, bahkan mempunyai prestasi yang sama baik, ujar Dalio. - ©BERNAMA

Kenali sukan mendaki

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
Foto : Jabatan Penerangan



AKTIVITI sukan dan rekreasi telah sekian lama menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat dan penduduk di negara ini dan ia berkembang sehingga menghasilkan kepimpinan dan organisasi sukarela.

Sukan juga adalah satu penglibatan pembangunan sosial melalui penyertaan beramai-ramai sama ada ahli keluarga, sahabat handai, masyarakat setempat dan masyarakat asing, semuanya menggalakkan pergaulan, persaingan yang sihat dan mengeratkan perhubungan sosial serta melahirkan masyarakat yang tidak mengasingkan diri.

Selain itu, sukan ini juga dapat membentuk sebuah masyarakat yang cergas, sihat dan kukuh dari segi fizikal dan mental, bersemangat dan berpendirian positif dalam hidup, berdisiplin dan berdikari melalui penyertaan semua lapisan masyarakat secara aktif dan sukarela dalam semua aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan fizikal dengan berpegang kepada konsep kenegaraan, iaitu 'Melayu Islam Beraja'.

Dengan tersebarnya wabak COVID-19 yang tercetus sejak awal tahun lalu menghambat dan membantutkan semua aktiviti sukan yang bukan sahaja berlaku di negara ini, malah juga di seluruh dunia yang dikhuatiri akan penularannya.

Tindakan pantas Kementerian Kesihatan serta pihak-pihak berwajib di negara ini dapat mengawal wabak berkenaan daripada terus menular dan ini secara langsung memberi gambaran lampu hijau kepada penduduk di negara ini untuk terus melakukan aktiviti sukan, namun ditekankan untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti yang telah digarispandukan.

Antara sukan yang sering dilakukan semasa pandemik ini ialah seperti berjalan kaki, berjoging, berbasikal dan mendaki bukit.

Menyentuh aktiviti mendaki bukit. Kini ia seolah menjadi sukan trend pada masa kini, malah berbagai-bagai tempat pendakian mula dibuka bagi kunjungan orang ramai.

Mendaki bukit atau *hiking* merupakan kegiatan yang

memerlukan kekuatan fisik tubuh badan khususnya di bahagian punggung, perut, dan kaki, serta pada bahagian-bahagian tubuh yang lain seperti jari, bahu, dan lengan. Walau demikian, sukan tersebut memiliki kesan yang baik bagi kesihatan mental selain sesuai untuk senaman kardio.

Sebelum melakukan kegiatan sukan ini, seseorang mestilah dalam keadaan sihat dan jika awda menghidap penyakit kronik tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes dan lain-lain atau mempunyai risiko seperti tekanan darah tinggi, berat badan berlebihan atau sedang mengambil ubat-ubatan untuk masalah kesihatan jantung, pernafasan dan diabetes adalah dikehendaki untuk mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang aktiviti berkenaan.

Bagi pemula sukan ini tidak perlu terlalu ghairah untuk melakukannya, lakukanlah dengan santai dan perlahan sahaja iaitu dimulai dengan senaman merenggangkan otot serta melakukan kegiatan fizikal yang ringan terlebih dahulu dan tingkatkan intensiti secara perlahan. Lakukanlah pendakian sebaik-baiknya pada tanah yang



rata dan elakkan tempat yang curam.

Jika awda berasa letih, pening, susah bernafas dan berasa degupan jantung semakin meningkat dengan cepat, maka berehatlah seketika sehingga degupan jantung awda kembali kepada tahap normal atau pada kadar yang awda rasa selesa, sebelum meneruskan aktiviti tersebut.

Jika awda merancang untuk melakukan pendakian, rancanglah terlebih dahulu iaitu dengan memaklumkan kepada keluarga atau teman terdekat mengenai dengan aktiviti yang akan dilakukan. Buat perancangan laluan yang akan dilalui, bawa air minuman yang mencukupi dan jangan lupa untuk membawa telefon bimbit awda. Adalah disarankan melakukan aktiviti

mendaki bukit bersama teman dan elakkan melakukannya secara berseorangan atau berpecah daripada kumpulan.

Namun awda diingatkan agar mengelakkan untuk mendaki bukit pada waktu petang atau malam atau ketika keadaan cuaca tidak menentu. Sebagai langkah berjaga-jaga, adalah disarankan untuk membawa wisel, lampu dan kot hujan ringan (*light raincoat*) sebagai salah satu peralatan asas untuk setiap aktiviti tersebut.

Gunakanlah peralatan atau pakaian serta kasut yang bersesuaian untuk mendaki bukit bagi mengelakkan kecederaan selain digalakkan untuk membawa sedikit makanan

berkarbohidrat seperti pisang atau kurma, serta air atau minuman secukupnya untuk memberi tenaga dan mengelakkan dehidrasi.

Meski terdengar berat, sukan mendaki bukit sebenarnya merupakan kegiatan yang sesuai dilakukan oleh semua orang. Mendaki bukit ini juga boleh dikategorikan sebagai sukan peringkat menengah yang melibatkan kegiatan seperti berjalan menanjak di luar ruangan.

Sejauh ini, para peneliti menyimpulkan bahawa mendaki bukit memiliki beberapa manfaat bagi kesihatan fisik manusia.



Sukan

INFO SUKAN

SUKAN Elektronik atau juga lebih dikenali dengan nama e-Sports adalah satu sukan yang menggunakan barang elektronik seperti komputer, permainan konsol, telefon bimbit dan sebagainya. Sukan ini sangat digemari di Negara Brunei Darussalam kerana penglibatan para belia dalam menggunakan teknologi untuk menyertai sukan tersebut.



ePaper Pelita Brunei

Rancangan hantar pelumba ke Kejuaran FIM CEV Repsol diteruskan - SIC

KUALA LUMPUR, 15 Jan. - Litar Antarabangsa Sepang (SIC) akan meneruskan rancangan untuk menghantar pelumba pelapis negara menyertai Kejuaran FIM CEV Repsol di Sepanyol.

Ketua Pegawai Eksekutif SIC Azhan Shafriman Hanif berkata perkara itu telah dibincang dan dirancang bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebelum ini.

"Jadi, kalau tiada aral

melintang, kita akan bekerjasama dengan KBS dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk kita terus menghantar pelapis keluar menyertai CEV di Sepanyol.

"Diharap sebelum mereka bertolak, kita dapat buat persediaan untuk mereka. Sekarang ini, mereka tengah lakukan latihan fizikal," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Pelumba pelapis negara dijadualkan berlepas ke Sepanyol

bagi menyertai perlumbaan CEV pada Mac ini.

Tahun lepas, seramai tiga pelumba pembangunan negara terlibat dalam saingan CEV iaitu Adam Norrodin yang beraksi dalam saingan Moto2, Syarifuddin Azman yang menyertai Kejuaran Moto3 Remaja Dunia manakala Muhammad Sharul Ezwan Sharil mewakili negara dalam saingan European Talent Cup (ETC).

Sementara itu, ditanya sama ada pelumba negara Kasma Daniel Kasmayudin telah kembali bersama pasukan SIC selepas dilihat menjalani latihan bersama pasukan itu baru-baru ini; Azhan Shafriman berkata pihaknya masih belum mempunyai perancangan untuk menyerap pelumba muda itu ke dalam pasukan SIC bagi musim ini.

"Hanya latihan, belum ada perancangan serap Kasma Daniel

dalam team kita. Sekarang kita mahu fokus kepada pelapis yang ada untuk pembangunan berterusan mereka di CEV," katanya.

Sebelum ini, Kasma Daniel mengambil keputusan untuk tidak menyambung kontrak sedia ada bersama pasukan SAG Team dari Sepanyol, untuk Kejuaran Dunia Moto2 musim ini walaupun mempunyai kontrak bersama SAG Team sehingga akhir 2022. - ©BERNAMA

Dorna Sports batalkan ujian musim sejuk di SIC

KUALA LUMPUR, 13 Jan. - Ujian rasmi musim sejuk Kejohanan Dunia MotoGP 2021 yang sepatutnya berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dari 19 hingga 21 Feb depan dibatalkan kerana keadaan pandemik COVID-19 yang masih belum reda di Malaysia.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Dorna Sports malam ini, keputusan itu dibuat selepas mendapatkan nasihat Persatuan Pasukan Perlumbaan Jalan Raya Antarabangsa (IRTA) dan Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM).

Dorna Sports ialah pemegang hak eksklusif televisyen dan komersial MotoGP.

Kenyataan itu juga mendedahkan ujian percubaan yang akan berlangsung dari 10 hingga 12 Mac di SIC juga dibatalkan atas faktor yang sama.

Kedua-dua ujian itu dibatalkan berikutan kenyataan terkini oleh kerajaan untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri bermula dari 13 sehingga 26 Jan ini untuk mengekang penularan COVID-19.

"Ujian di Qatar yang dijadualkan berlangsung di Litar Antarabangsa Losail dari 10 hingga 12 Mac masih kekal setakat ini dan sebarang kemas kini atau perubahan akan diberitahu secepat mungkin," katanya.

Kejohanan Dunia MotoGP akan bermula dengan Qatar GP di Litar Antarabangsa Losail dari 26 hingga 28 Mac depan. - ©BERNAMA

Cheah, Kisona raih pengalaman berharga di Terbuka Thailand

KUALA LUMPUR, 14 Jan. - Walaupun tewas dalam pusingan pembukaan Kejohanan Badminton Terbuka Thailand Yonex di Impact Arena, Bangkok semalam, pemain wanita nombor satu negara Soniia Cheah menyifatkannya sebagai pengalaman berharga yang akan membantu meningkatkan prestasinya.

Menurut pemenang pingat perak acara beregu campuran Sukan Komanwel Gold Coast 2018 itu, kekalahan 15-21 dan 12-21 kepada pemain pilihan ketujuh An Se Young dari Korea Selatan menjadi pengajaran terbaik dalam persiapan beliau menghadapi Terbuka Thailand Toyota yang dijadualkan dari 19 hingga 24 Jan di venue sama.

"Lawan saya berupaya mengawal rentak permainannya dengan baik dan saya pula agak gementar kerana itu merupakan perlawanan pertama saya (setelah lama tidak bermain disebabkan penularan COVID-19), tetapi saya berharap dapat memperoleh semula rentak saya pada kejohanan seterusnya," kata Cheah yang dipetik daripada rakaman temu bual selepas perlawanan oleh Persekutuan Badminton Dunia

(BWF).

Rakaman video itu dikongsikan dengan Bernama.

Berkongsi pandangan serupa, rakan sepasukannya S. Kisona yang turut tersingkir pada pusingan awal, gembira diberi peluang bermain dalam kejohanan itu selepas pemain Thailand Nitchaon Jindapol menarik diri akibat kecederaan.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Filipina 2019 itu berkata walaupun tewas 15-21 dan 15-21 kepada pemain nombor 20 dunia Saina Nehwal dari India, beliau berpuas hati dengan prestasinya dalam kejohanan yang menawarkan hadiah berjumlah US\$1 juta (RM4.042 juta) tersebut.

"Saina bermain dengan baik dan beliau antara pemain idola saya. Bermain menentang beliau merupakan satu pengalaman yang sangat baik buat saya," kata Kisona.

Saingan Malaysia dalam Kejohanan Jelajah Dunia BWF Super 1000 itu berakhir dengan kekalahan kedua-dua pemain tersebut. - ©BERNAMA



FOKUS SUKAN

KENALI sukan mendaki MUKA 31

Tahukah Awda

DUIT syiling pertama yang digunakan pada zaman Brunei Tua adalah duit syiling dari negara China yang dipanggil Pitis atau Kue. Manakala duit syiling timah dengan tulisan Malikul Adil dikeluarkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar menjadi duit syiling jenis timah yang terawal dikeluarkan dalam sejarah dan perkembangan mata wang Negara Brunei Darussalam.

Pada 12 Jun 1967, Negara Brunei Darussalam mengeluarkan mata wang kertas moden pertama dalam denominasi \$1, \$5, \$10, \$50 dan \$100, manakala duit syiling Brunei moden dalam denominasi 1 sen, 5 sen, 10 sen dan 50 sen pertama kali diperkenalkan pada 22 Ogos 1967.

SUMBER : Pelita Brunei (Sejarah mata wang Brunei di Galeri AMBD) 16 Mac 2015.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JUJUR, AMANAH ANTARA PUNCA MENDAPAT KEBERKATAN DALAM REZEKI

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam